

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 807

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

Tarikh Perkenan Diraja ... ... 24 Ogos 2018

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... 28 Ogos 2018

Hakcipta Pencetak Ⓗ
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 807

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain
4. Orang yang dilantik atau diambil kerja hendaklah menjadi pekhidmat awam
5. Pengiktirafan jawatan
6. Kerahsiaan maklumat

BAHAGIAN III

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

7. Pengenaan dan skop cukai perkhidmatan
8. Perkhidmatan bercukai
9. Penentuan nilai perkhidmatan bercukai
10. Kadar cukai perkhidmatan
11. Cukai perkhidmatan yang genap masa

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN

Seksyen

12. Tanggungan untuk berdaftar

13. Permohonan bagi pendaftaran

14. Pendaftaran sukarela

15. Arahan untuk menganggap orang sebagai orang kena cukai tunggal

16. Pendaftaran perkongsian

17. Pendaftaran cawangan atau bahagian

18. Pemberhentian tanggungan untuk berdaftar

19. Pemberitahuan pemberhentian tanggungan

20. Pembatalan pendaftaran

BAHAGIAN V

PERAKAUNAN, TAKSIRAN, MENDAPATKAN BALIK, DSB.

21. Invois

22. Pengeluaran invois oleh komputer

23. Nota kredit dan nota debit

24. Kewajipan untuk menyimpan rekod

25. Tempoh bercukai

26. Pengemukaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar

27. Kuasa untuk menaksir

28. Mendapatkan balik cukai perkhidmatan, dsb., sebagai hutang sivil

29. Kuasa untuk memungut cukai perkhidmatan, dsb., daripada orang yang terhutang wang kepada orang kena cukai

30. Mendapatkan balik cukai perkhidmatan sebelum kena dibayar daripada orang yang hendak meninggalkan Malaysia

31. Mendapatkan balik cukai perkhidmatan, dsb., daripada orang yang meninggalkan Malaysia tanpa membayar cukai perkhidmatan, dsb.

32. Pembayaran secara ansuran

33. Tanggungan pengarah, dsb.

BAHAGIAN VI

PENGECUALIAN, PEMBAYARAN BALIK DAN PEREMITAN

Seksyen

34. Kuasa Menteri untuk mengecualikan dan membayar balik

35. Tuntutan bagi pembayaran balik cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk

36. Pembayaran semula cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk

37. Pembayaran cukai perkhidmatan, dsb., yang terkurang dibayar atau dibayar balik secara silap

38. Pembayaran balik cukai perkhidmatan, dsb., yang terlebih bayar atau dibayar secara silap

39. Potongan daripada penyata bagi cukai perkhidmatan yang dipulangkan balik

40. Peremitan cukai perkhidmatan, dsb.

BAHAGIAN VII

KETETAPAN

41. Ketetapan umum

42. Ketetapan kastam

43. Membuat ketetapan kastam

44. Pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan ketetapan kastam

45. Ketua Pengarah hendaklah mengisytiharkan ketetapan kastam terbatal, dsb.

46. Ketetapan kastam yang berbeza mengenai hal perkara yang sama

BAHAGIAN VIII

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN

47. Tafsiran

48. Perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan, dsb.

49. Perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan ditetapkan

50. Perkhidmatan bercukai yang diberikan ke kawasan ditetapkan oleh orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia

51. Kuasa Menteri untuk mengenakan cukai perkhidmatan

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN KAWASAN KHAS

Seksyen

52. Tafsiran

53. Perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara kawasan khas, dsb.

54. Perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan khas

55. Perkhidmatan bercukai yang diberikan ke kawasan khas oleh orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia

56. Kuasa Menteri untuk mengenakan cukai perkhidmatan

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN

57. Orang terikat untuk memberikan maklumat

58. Akses kepada tempat atau premis

59. Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer

60. Majistret boleh mengeluarkan waran geledah

61. Penggeledahan boleh dilakukan tanpa waran

62. Penyitaan barang, dsb.

63. Kuasa menangkap

BAHAGIAN XI

PERBICARAAN DAN PROSIDING

64. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

65. Keterangan melalui perakuan, dsb.

66. Obligasi kerahsiaan

67. Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui

68. Beban pembuktian

69. Perintah mahkamah

70. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan balik melainkan jika penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang barangkali

BAHAGIAN XII

AM

Seksyen

71. Pengelakan cukai perkhidmatan

72. Memberi maklumat tidak betul yang berhubungan dengan tanggungan terhadap cukai perkhidmatan

73. Mendapatkan pembayaran balik secara tidak wajar

74. Pekerja boleh membuat urusan

75. Membuat urusan bagi pihak orang kena cukai

76. Kesalahan oleh orang yang diberi kuasa dan orang yang tidak diberi kuasa

77. Halangan

78. Kesalahan oleh syarikat, dsb.

79. Penalti am

80. Pengkompaunan kesalahan

81. Kajian semula dan rayuan

82. Pelikuidasi syarikat hendaklah memberikan notis penggulungan, dan mengetepikan cukai perkhidmatan

83. Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah

84. Orang berdaftar hendaklah mengemukakan perakuan audit

85. Cukai perkhidmatan, dsb., hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb.

86. Penyampaian notis, dsb.

87. Penggunaan perkhidmatan elektronik

88. Perlindungan pegawai cukai perkhidmatan daripada tanggungan

89. Ganjaran

90. Kuasa Ketua Pengarah untuk mengenakan fi

91. Kuasa membuat peraturan-peraturan

BAHAGIAN XIII

KECUALIAN DAN PERALIHAN

92. Pendaftaran pada tarikh permulaan kuat kuasa

93. Perjanjian berperingkat atau berkala

94. Hak yang diberikan sepanjang hayat

95. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 807

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan, melevikan dan memungut cukai perkhidmatan, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa bahagian yang berlainan atau peruntukan yang berlainan Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan tarikh efektif bagi mengenakan dan melevikan cukai perkhidmatan di bawah Akta ini.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta ini" termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

"cukai perkhidmatan" ertinya cukai yang kena dibayar di bawah Akta ini;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"dokumen" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

"gudang berlesen" ertinya apa-apa gudang atau tempat yang dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

"gudang pengilangan berlesen" ertinya suatu gudang berlesen yang berkenaan dengannya suatu lesen tambahan untuk menjalankan apa-apa proses pengilangan telah diberikan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967;

"kawasan ditetapkan" ertinya Labuan, Langkawi dan Tioman;

"kawasan khas" ertinya mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen, dan Kawasan Pembangunan Bersama;

"Kawasan Pembangunan Bersama" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 [*Akta 440*];

"ketetapan kastam" ertinya apa-apa ketetapan kastam yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 43;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967*;*

"komputer" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Keterangan 1950;

"Labuan" ertinya Pulau Labuan dan pulau-pulau tanggungannya, iaitu, Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat;

"Langkawi" ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau yang berdampingan dengannya yang terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada tanah besar;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"orang berdaftar" ertinya orang yang didaftarkan di bawah seksyen 13 atau 14;

"orang kena cukai" ertinya orang berdaftar atau orang yang bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 12;

"pegawai cukai perkhidmatan" ertinya mana-mana pegawai kastam yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967 dan termasuklah mana-mana orang yang diambil kerja di bawah subseksyen 3(3);

"pegawai cukai perkhidmatan yang hak" ertinya mana-mana pegawai kanan cukai perkhidmatan atau pegawai cukai perkhidmatan yang bertindak dalam menunaikan kewajipannya di bawah Akta ini, sama ada kewajipan itu diberikan kepadanya secara khusus atau am, atau secara nyata atau tersirat;

"pegawai kanan cukai perkhidmatan" ertinya mana-mana pegawai kanan kastam yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

"peraturan-peraturan" ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 91;

"perkhidmatan bercukai" ertinya apa-apa perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai di bawah seksyen 8;

"perkongsian liabiliti terhad" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*];

"perniagaan" termasuklah apa-apa tred, perdagangan, profesion atau pekerjaan, atau apa-apa usaha daripada jenis tred, perdagangan, profesion atau pekerjaan;

"surcaj" ertinya surcaj yang disebut dalam subseksyen 32(3);

"tarikh efektif" ertinya tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(3);

"tempoh bercukai" ertinya apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan atau diperuntukkan di bawah seksyen 25;

"Tioman" ertinya Pulau Tioman dan pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi dan Jahat;

"Tribunal Rayuan Kastam" ertinya Tribunal Rayuan Kastam yang ditubuhkan di bawah seksyen 141B Akta Kastam 1967;

"zon bebas" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*].

Bahagian II

PENTADBIRAN

Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain

3. (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan, tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri.

(2) Tertakluk kepada arahan dan penyeliaan am Ketua Pengarah, seorang pegawai kanan cukai perkhidmatan hendaklah mempunyai dan menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh atau di bawah Akta ini, selain kuasa yang diberikan di bawah seksyen 6, 40, 41 dan 90.

(3) Mana-mana orang, selain seorang pegawai cukai perkhidmatan boleh dilantik oleh, atau diambil kerja dengan persetujuan, Ketua Pengarah bagi apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan dan orang itu hendaklah disifatkan sebagai pegawai cukai perkhidmatan bagi kewajipan atau perkhidmatan itu.

(4) Ketua Pengarah boleh, melalui pemberian kuasa secara bertulis, memberi mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang bukan pegawai kanan cukai perkhidmatan semua atau mana-mana kuasa seorang pegawai kanan cukai perkhidmatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi sembilan puluh hari berkenaan dengan mana-mana satu pemberian kuasa.

(5) Mana-mana pegawai cukai perkhidmatan hendaklah mempunyai kewajipan dan kuasa untuk menguatkuasakan dan memastikan pematuhan sewajarnya peruntukan Akta ini.

Orang yang dilantik atau diambil kerja hendaklah menjadi pekhidmat awam

4. Tiap-tiap orang yang dilantik atau diambil kerja di bawah subseksyen 3(3) bagi apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Pengiktirafan jawatan

5. (1) Tiap-tiap pegawai cukai perkhidmatan apabila menunaikan kewajipannya hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana orang, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang itu kad kuasa atau lencana yang ditetapkan di bawah seksyen 8A Akta Kastam 1967 atau dalam hal mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang bukan pegawai kastam, apa-apa kad kuasa lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa permintaan, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang bertindak atau yang berupa sebagai bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu enggan mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasa atau lencananya apabila diminta oleh orang itu.

(3) Mana-mana orang, yang bukan seorang pegawai cukai perkhidmatan, yang memakai, menggunakan, memiliki atau mempamerkan dengan cara yang menyalahi undang-undang, selain semasa suatu pertunjukan pentas atau persembahan teater yang lain—

(a) apa-apa pakaian seragam yang ditetapkan di bawah seksyen 8A Akta Kastam 1967 atau apa-apa pakaian yang kelihatan seperti, atau yang mengandungi tanda tersendiri yang terdapat pada, pakaian seragam itu; atau

(b) apa-apa kad kuasa atau lencana yang ditetapkan, atau kad kuasa sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, yang disebut dalam subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kerahsiaan maklumat

6. (1) Tiap-tiap orang, yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi atau yang dilantik atau yang diambil kerja di bawah Akta ini, hendaklah menganggap dan menguruskan semua dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang berhubungan dengan perniagaan atau nilai pembekalan perkhidmatan oleh mana-mana orang kena cukai sebagai rahsia.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), tiap-tiap orang yang mempunyai milikan atau kawalan ke atas apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan atau salinannya berhubung dengan perniagaan atau nilai pembekalan perkhidmatan oleh mana-mana orang kena cukai, yang pada bila-bila masa, selain bagi maksud Akta ini atau dengan kuasa nyata Ketua Pengarah—

(a) menyampaikan atau cuba untuk menyampaikan maklumat itu atau apa-apa jua yang terkandung dalam dokumen, penyata atau perisytiharan itu atau salinannya kepada mana-mana orang; atau

(b) membiarkan atau membenarkan mana-mana orang untuk mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau kepada apa-apa jua yang terkandung dalam dokumen, penyata atau perisytiharan itu atau salinannya,

melakukan suatu kesalahan.

(3) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi atau yang dilantik atau yang diambil kerja di bawah Akta ini atau yang disebut dalam subseksyen (4) boleh dikehendaki untuk mengemukakan dalam apa-apa perkara atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau tribunal apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan atau untuk mendedahkan atau menyampaikan dalam perkara atau prosiding itu apa-apa perkara atau benda, yang dibawa kepada pengetahuannya dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini, kecuali sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini atau bagi memulakan suatu pendakwaan atau dalam penjalanan suatu pendakwaan bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

(4) Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, menghantar atau menyampaikan apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang disebut dalam subseksyen (1) atau apa-apa jua yang terkandung dalamnya, kepada Ketua Perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia yang boleh dikehendaki dalam melaksanakan kewajipan rasminya.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Menteri boleh, sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, membenarkan Ketua Pengarah untuk menghantar atau menyampaikan apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang disebut dalam subseksyen (1) atau apa-apa jua yang terkandung dalamnya kepada mana-mana orang lain.

BAHAGIAN III

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

Pengenaan dan skop cukai perkhidmatan

7. Suatu cukai yang dikenali sebagai cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya.

Perkhidmatan bercukai

8. Menteri boleh menetapkan mana-mana perkhidmatan sebagai perkhidmatan bercukai.

Penentuan nilai perkhidmatan bercukai

9. (1) Bagi maksud Akta ini, nilai perkhidmatan bercukai yang baginya cukai perkhidmatan kena dibayar hendaklah ditentukan seperti yang berikut:

(a) dalam hal perkhidmatan bercukai bagi—

(i) penjualan barang oleh orang kena cukai kepada—

(A) orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu, harga sebenar barang itu dijual; atau

(B) orang yang berkaitan dengan orang kena cukai itu, harga bagi barang itu jika dijual dalam penjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu; atau

(ii) pembekalan barang, jika barang itu dibekalkan secara percuma, harga bagi barang itu jika dijual dalam penjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu;

(b) dalam hal perkhidmatan bercukai, selain perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam perenggan *(a)*—

(i) yang diberikan oleh orang kena cukai kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu—

(A) nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diberikan itu; atau

(B) dalam hal premium bagi polisi insurans, atau sumbangan takaful bagi sijil takaful, premium atau sumbangan takaful sebenar yang dibayar;

(ii) yang diberikan oleh orang kena cukai kepada orang yang berkaitan dengan orang kena cukai itu, nilai perkhidmatan bercukai itu jika diberikan dalam penjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu; atau

(iii) jika perkhidmatan bercukai itu diberikan secara percuma, nilai perkhidmatan bercukai itu jika diberikan dalam penjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu; atau

(c) dalam hal pertaruhan dan perjudian yang ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai, nilai pertaruhan dan perjudian itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

"barang" ertinya barang sebagaimana yang ditetapkan;

"orang yang berkaitan dengan orang kena cukai" ertinya orang yang berkaitan dengan orang kena cukai sebagaimana yang ditetapkan.

Kadar cukai perkhidmatan

10. (1) Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan mengikut subseksyen (2) ke atas perkhidmatan bercukai dengan merujuk kepada nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 9.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

(a) menetapkan kadar cukai perkhidmatan yang hendak dikenakan dan dilevikan di bawah Akta ini; dan

(b) mengubah atau meminda kadar cukai perkhidmatan yang ditetapkan di bawah perenggan *(a)*.

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah—

(a) dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya; dan

(b) apabila habis tempoh satu ratus dua puluh hari daripada dibentangkan di bawah perenggan *(a)* atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diarahkan, melalui ketetapan, oleh Dewan Rakyat, terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya jika perintah itu tidak disahkan, atau sebahagiannya setakat yang perintah itu tidak disahkan, oleh suatu ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh satu ratus dua puluh hari itu atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam tempoh yang dilanjutkan itu.

(4) Jika suatu perintah terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3), apa-apa cukai perkhidmatan yang telah dikenakan dan dilevikan menurut perintah itu atau apa-apa bahagian perintah itu sebagaimana yang terhenti berkuat kuasa hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), kena dibayar balik kepada orang yang membayar cukai perkhidmatan itu.

(5) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya, tiada cukai perkhidmatan yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (4) boleh dibayar balik, melainkan jika orang yang membayar cukai perkhidmatan itu membuat tuntutan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam masa satu tahun dari tarikh perintah itu terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dan tuntutan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(6) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau tidak membenarkan apa-apa cukai perkhidmatan yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (4) setakat yang pembayaran balik itu akan secara tidak patut memperkaya orang yang membayar cukai itu.

Cukai perkhidmatan yang genap masa

11. (1) Cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan di bawah seksyen 7 hendaklah menjadi genap masa pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang berdaftar itu kepada pelanggan.

(2) Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian bayaran bagi mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang berdaftar tidak diterima daripada pelanggan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh invois bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan itu, cukai perkhidmatan hendaklah menjadi genap masa pada hari yang mengikuti tempoh dua belas bulan itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1)—

(a) cukai perkhidmatan yang dikehendaki untuk diakaunkan dalam apa-apa penyata yang dibuat di bawah subseksyen 26(3) hendaklah menjadi genap masa pada hari penyata itu dikehendaki untuk dikemukakan kepada Ketua Pengarah;

(b) cukai perkhidmatan berkenaan dengan pertaruhan dan perjudian yang ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai hendaklah menjadi genap masa pada masa sebagaimana yang ditetapkan;

(c) jika suatu perkiraan atau perjanjian bagi pemberian apa-apa perkhidmatan bercukai dibuat oleh mana-mana orang, yang merupakan orang bercukai di bawah Akta ini, dalam tempoh bermula dari 1 Jun 2018 dan berakhir sebaik sebelum tarikh efektif, dan perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan pada atau selepas tarikh efektif—

(i) perkiraan atau perjanjian bagi pemberian apa-apa perkhidmatan bercukai itu hendaklah disifatkan telah dibuat pada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan walaupun apa-apa pembayaran, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, diterima atau invois dikeluarkan, bagi perkhidmatan bercukai itu dalam tempoh itu;

(ii) apa-apa pembayaran yang diterima dalam tempoh itu atau pada atau selepas tarikh efektif, atau invois dikeluarkan dalam tempoh itu, hendaklah disifatkan telah diterima atau dikeluarkan pada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan; dan

(iii) cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas perkhidmatan bercukai itu dan hendaklah menjadi genap masa pada tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan atau dilaksanakan.

(4) Jika perkhidmatan bercukai yang disebut dalam perenggan (3)*(c)* ialah pertaruhan dan perjudian, cukai perkhidmatan berkenaan dengan pertaruhan dan perjudian itu hendaklah menjadi genap masa pada masa yang ditetapkan di bawah perenggan (3)*(b)*.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN

Tanggungan untuk berdaftar

12. (1) Menteri boleh menetapkan—

(a) mana-mana orang yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai; dan

(b) jumlah nilai perkhidmatan bercukai orang yang disebut dalam perenggan *(a)*,

bagi maksud pendaftaran orang itu di bawah Bahagian ini.

(2) Mana-mana orang yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai bertanggungan untuk berdaftar pada masa yang berikut, mana-mana yang lebih awal:

(a) pada akhir mana-mana bulan, jika jumlah nilai semua perkhidmatan bercukainya dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik sebelum bulan itu telah melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan di bawah subseksyen (1); atau

(b) pada akhir mana-mana bulan, jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa jumlah nilai semua perkhidmatan bercukainya dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik selepas bulan itu akan melebihi jumlah perkhidmatan bercukai yang ditetapkan di bawah subseksyen (1).

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Menteri boleh menetapkan mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan bercukai bertanggungan untuk berdaftar pada tarikh permulaan perniagaan.

(4) Jumlah nilai semua perkhidmatan bercukai seseorang yang memberi perkhidmatan bercukai dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik sebelum bulan itu yang disebut dalam perenggan (2)*(a)* tidak ambil kira jika—

(a) pendaftaran orang yang memberikan perkhidmatan bercukai itu dibatalkan, selain di bawah subseksyen 20(3), dalam tempoh itu; dan

(b) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa sebelum pendaftaran orang itu dibatalkan, orang itu telah memberikan semua maklumat yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah bagi menentukan sama ada untuk membatalkan pendaftaran itu atau tidak.

Permohonan bagi pendaftaran

13. (1) Mana-mana orang yang bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 12 hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan sebagai orang berdaftar dalam borang yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir bagi bulan selepas bulan yang dia bertanggungan untuk berdaftar sebagaimana yang disebut dalam perenggan 12(2)*(a)* atau *(b)* atau subseksyen 12(3).

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan itu, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkan orang di bawah subseksyen (1) berkuat kuasa dari hari pertama bagi bulan selepas bulan yang permohonan di bawah subseksyen (1) dibuat atau dari apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang dipersetujui antara Ketua Pengarah dengan orang itu tetapi tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh orang itu menjadi bertanggungan untuk berdaftar.

(4) Jika mana-mana orang tidak mematuhi subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkan orang itu pada tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah tetapi tidak boleh lebih awal daripada tarikh orang itu bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 12.

(5) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pendaftaran sukarela

14. (1) Mana-mana orang yang tidak bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 12 boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan sebagai orang berdaftar.

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Ketua Pengarah boleh meluluskan pendaftaran itu dari apa-apa tarikh sebagaimana yang ditentukannya tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut olehnya.

Arahan untuk menganggap orang sebagai orang kena cukai tunggal

15. (1) Walau apa pun seksyen 12, jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat, Ketua Pengarah boleh membuat suatu arahan yang menghendaki supaya—

(a) orang yang dinamakan dalam arahan itu dianggap sebagai orang kena cukai tunggal yang menjalankan aktiviti perniagaan yang diperihalkan dalam arahan itu berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam arahan itu; dan

(b) orang kena cukai tunggal yang disebut dalam perenggan *(a)* didaftarkan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam arahan itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), dalam menentukan sama ada apa-apa pengasingan aktiviti perniagaan adalah dibuat-buat, hendaklah diambil kira setakat yang orang yang berlainan yang menjalankan aktiviti perniagaan itu berkait rapat antara satu sama lain melalui hubungan kewangan, ekonomi dan organisasi.

(3) Ketua Pengarah boleh membuat arahan di bawah subseksyen (1) dengan menamakan mana-mana orang jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa—

(a) orang itu memberikan atau telah memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai;

(b) aktiviti yang dalam penjalanannya orang itu memberikan atau telah memberikan perkhidmatan bercukai tersebut menjadi hanya sebahagian daripada aktiviti tertentu dalam perniagaan itu dan bahawa aktiviti lain dalam perniagaan itu, sama ada atau tidak aktiviti lain itu serupa dengan aktiviti yang dijalankan oleh orang itu, dijalankan serentak atau dijalankan sebelum itu, atau kedua-duanya, oleh seorang yang lain atau lebih daripada seorang yang lain; dan

(c) jika semua perkhidmatan bercukai yang diberikan dalam perniagaan itu diambil kira, orang yang menjalankan perniagaan itu akan, pada masa arahan itu dibuat, dikehendaki untuk berdaftar menurut kuasa seksyen 12.

(4) Apa-apa arahan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada setiap orang yang dinamakan dalam arahan itu.

(5) Jika, selepas suatu arahan telah dibuat di bawah subseksyen (1), ternyata pada Ketua Pengarah bahawa mana-mana orang yang tidak dinamakan dalam arahan itu sedang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai dalam penjalanan aktiviti yang patut dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan itu, Ketua Pengarah boleh membuat dan menyampaikan kepada orang itu suatu arahan tambahan yang menambah nama orang itu kepada nama orang yang dinamakan dalam arahan di bawah subseksyen (1).

(6) Apabila nama orang itu ditambah dalam arahan di bawah subseksyen (5), orang itu hendaklah dianggap sebagai orang kena cukai tunggal yang menjalankan aktiviti perniagaan yang diperihalkan dalam arahan di bawah subseksyen (1) berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam arahan itu.

(7) Jika, sebaik sebelum apa-apa arahan termasuk arahan tambahan dibuat, mana-mana orang yang dinamakan dalam arahan itu telah didaftarkan berkenaan dengan perkhidmatan bercukai yang diberikan olehnya sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (3) atau (5), pendaftarannya hendaklah dibatalkan oleh Ketua Pengarah berkuat kuasa dari tarikh orang kena cukai tunggal didaftarkan di bawah subseksyen (1).

(8) Apabila pendaftaran di bawah subseksyen (7) dibatalkan, orang yang pendaftarannya telah dibatalkan itu bersama dengan semua orang lain yang dinamakan dalam arahan di bawah subseksyen (1) hendaklah dianggap sebagai orang kena cukai tunggal.

(9) Berhubung dengan suatu perniagaan yang dinyatakan dalam suatu arahan, orang yang dinamakan dalam arahan itu bersama dengan mana-mana orang yang dinamakan dalam suatu arahan tambahan yang berhubungan dengan perniagaan itu, sebagai orang yang bersama-sama dianggap sebagai orang kena cukai tunggal, disebut sebagai "anggota konstituen" dalam subseksyen (10) dan (11).

(10) Jika apa-apa arahan dibuat di bawah subseksyen (1)—

(a) orang kena cukai tunggal yang menjalankan perniagaan yang dinyatakan dalam arahan itu hendaklah didaftarkan atas apa-apa nama sebagaimana yang dicadangkan oleh orang yang dinamakan dalam arahan itu secara bersesama melalui notis secara bertulis yang diberikan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh arahan itu disampaikan kepada orang yang terakhir daripada orang yang dinamakan dalam arahan itu atau, jika tiada apa-apa cadangan, atas apa-apa nama yang dinyatakan dalam arahan itu;

(b) apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh salah seorang anggota konstituen dalam penjalanan aktiviti orang kena cukai tunggal itu hendaklah dianggap sebagai perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang kena cukai tunggal itu;

(c) setiap anggota konstituen hendaklah bertanggungan secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar oleh orang kena cukai tunggal itu;

(d) tanpa menjejaskan perenggan *(c)*, apa-apa kegagalan oleh orang kena cukai tunggal itu untuk mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan di bawah Akta ini hendaklah dianggap sebagai kegagalan oleh setiap anggota konstituen secara berasingan; dan

(e) tertakluk kepada perenggan *(a)* hingga *(d)*, anggota konstituen hendaklah dianggap sebagai suatu perkongsian yang menjalankan perniagaan orang kena cukai tunggal dan apa-apa persoalan mengenai skop aktiviti perniagaan itu pada bila-bila masa hendaklah ditentukan dengan sewajarnya.

(11) Jika Ketua Pengarah mendapati bahawa mana-mana orang yang merupakan salah seorang daripada anggota konstituen tidak lagi patut dianggap sedemikian bagi maksud perenggan (10)*(c)* dan *(d)* dan Ketua Pengarah memberikan notis secara bertulis bagi maksud sedemikian, orang itu—

(a) tidak lagi mempunyai apa-apa tanggungan menurut kuasa perenggan (10)*(c)* dan *(d)* bagi apa-apa jua yang dilakukan selepas tarikh yang dinyatakan dalam notis itu; dan

(b) pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, hendaklah dianggap sebagai telah terhenti menjadi anggota perkongsian yang disebut dalam perenggan (10)*(e)*.

Pendaftaran perkongsian

16. (1) Pendaftaran bagi—

(a) orang yang menjalankan perniagaan dalam suatu perkongsian sebagai orang berdaftar hendaklah atas nama firma itu; dan

(b) orang yang sama yang menjalankan perniagaan yang berasingan dalam suatu perkongsian sebagai orang berdaftar hendaklah atas nama yang berasingan bagi firma-firma itu masing-masing.

(2) Dalam menentukan sama ada perkhidmatan bercukai diberikan kepada atau oleh orang yang disebut dalam subseksyen (1), tiada apa-apa perubahan dalam perkongsian itu boleh diambil kira.

(3) Mana-mana orang yang terhenti menjadi pekongsi dalam suatu perkongsian hendaklah—

(a) memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai tarikh pemberhentian dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberhentian itu; dan

(b) membayar perkadaran tanggungan perkongsian itu ke atas apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh perkongsian itu sehingga tarikh pemberhentian itu.

(4) Jika mana-mana orang terhenti menjadi pekongsi di bawah subseksyen (3) dalam suatu perkongsian dalam apa-apa tempoh bercukai, apa-apa notis, sama ada mengenai taksiran atau selainnya, yang disampaikan kepada perkongsian itu dan yang berhubungan dengan tempoh bercukai itu atau dengan apa-apa tempoh bercukai lain yang semasa keseluruhan atau sebahagian daripada tempoh bercukai itu dia ialah pekongsi dalam perkongsian itu, hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan juga kepadanya.

(5) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa notis, sama ada mengenai taksiran atau selainnya, yang dialamatkan kepada suatu perkongsian mengikut nama yang dengannya perkongsian itu didaftarkan di bawah Akta ini, dan disampaikan mengikut Akta ini hendaklah disifatkan—

(a) sebagai telah disampaikan dengan sewajarnya kepada perkongsian itu; dan

(b) jika subseksyen (4) terpakai, sebagai telah disampaikan dengan sewajarnya kepada mana-mana pekongsi yang terdahulu.

(6) Subseksyen (1) dan (3) tidaklah menjejaskan takat yang seorang pekongsi bertanggungan bagi cukai perkhidmatan yang terhutang oleh firma itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(7) Jika seseorang itu merupakan seorang pekongsi dalam suatu firma dalam sebahagian daripada suatu tempoh bercukai sahaja, tanggungannya bagi cukai perkhidmatan ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh firma itu dalam tempoh bercukai itu hendaklah mengikut perkadaran tanggungan firma itu sebagaimana yang patut.

(8) Jika apa-apa notis dikehendaki supaya diberikan oleh suatu perkongsian di bawah Akta ini, hendaklah menjadi tanggungan bersesama dan berasingan semua pekongsi untuk memberikan notis itu, kecuali jika suatu notis diberikan oleh mana-mana pekongsi, ia hendaklah dianggap sebagai pematuhan yang mencukupi bagi kehendak itu.

(9) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (3)*(a)* atau *(b)* melakukan suatu kesalahan.

(10) Bagi maksud seksyen ini, suatu perkongsian tidak termasuk suatu perkongsian liabiliti terhad.

Pendaftaran cawangan atau bahagian

17. (1) Jika apa-apa perniagaan orang berdaftar dijalankan oleh satu atau lebih cawangan atau bahagian, orang berdaftar itu boleh memohon kepada Ketua Pengarah, dalam borang yang ditetapkan, bagi mana-mana cawangan atau bahagian untuk didaftarkan atas nama cawangan atau bahagian itu.

(2) Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya jika dia berpuas hati bahawa orang berdaftar itu memenuhi kehendak yang berikut:

(a) berkemungkinan akan menyebabkan kesulitan sebenar bagi orang berdaftar untuk mengemukakan suatu penyata tunggal berkenaan dengan semua cawangan atau bahagian jika tidak kerana pendaftaran berasingan;

(b) setiap cawangan atau bahagian menyenggara suatu akaun yang berasingan berkenaan dengan aktivitinya;

(c) setiap cawangan atau bahagian boleh dikenal pasti secara berasingan dengan merujuk kepada sifat aktiviti yang dijalankan oleh atau lokasi cawangan atau bahagian itu; dan

(d) setiap cawangan atau bahagian mempunyai tempoh bercukai yang sama.

(3) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis kepada orang berdaftar, membatalkan pendaftaran yang diluluskan di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan mana-mana atau semua cawangan atau bahagian jika dia berpuas hati bahawa—

(a) orang berdaftar itu telah gagal untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (2);

(b) mana-mana kehendak yang disebut dalam subseksyen (2) telah terhenti terpakai;

(c) orang berdaftar itu telah memberikan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah subseksyen (1); atau

(d) ia adalah perlu bagi perlindungan hasil.

(4) Jika Ketua Pengarah membatalkan pendaftaran mengikut subseksyen (3), pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), orang berdaftar boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah bagi mana-mana cawangan atau bahagian yang didaftarkan secara berasingan di bawah subseksyen (2) supaya terhenti didaftarkan sedemikian, dan Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran secara berasingan itu berkuat kuasa dari tarikh permohonan itu atau dari apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(6) Orang berdaftar yang berdaftar di bawah subseksyen (2) hendaklah terus berdaftar bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun atau apa-apa tempoh lain yang lebih pendek sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pemberhentian tanggungan untuk berdaftar

18. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang berdaftar hendaklah terhenti daripada bertanggungan untuk berdaftar pada akhir mana-mana bulan jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa jumlah nilai semua perkhidmatan bercukainya dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik selepas bulan itu (selepas ini disebut sebagai "tempoh dua belas bulan") tidak melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan di bawah perenggan 12(1)*(b)*.

(2) Seseorang orang berdaftar tidak terhenti daripada bertanggungan untuk berdaftar menurut kuasa subseksyen (1) jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa sebab bagi jumlah nilai semua perkhidmatan bercukainya tidak melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan di bawah perenggan 12(1)*(b)* adalah dalam tempoh dua belas bulan yang disebut dalam subseksyen (1) dia berhenti sementara daripada memberikan perkhidmatan bercukai itu, atau menggantung pemberian perkhidmatan bercukai itu, bagi tempoh tiga puluh hari atau lebih.

Pemberitahuan pemberhentian tanggungan

19. (1) Seseorang yang berdaftar di bawah seksyen 13 atau 14—

(a) yang berhenti menjalankan perniagaan yang memberikan perkhidmatan bercukai; atau

(b) yang terhenti daripada bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 18,

mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai hakikat itu dan tarikh pemberhentian itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberhentian itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Pembatalan pendaftaran

20. (1) Jika orang berdaftar membuat suatu pemberitahuan di bawah seksyen 19, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran orang itu dari tarikh orang berdaftar itu berhenti memberikan perkhidmatan bercukai atau terhenti bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 18, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau dari apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah jika dia berpuas hati bahawa orang berdaftar itu boleh dibatalkan pendaftarannya.

(2) Jika tiada pemberitahuan dibuat di bawah seksyen 19 dan Ketua Pengarah berpuas hati bahawa orang berdaftar telah berhenti memberikan perkhidmatan bercukai atau telah terhenti bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 18, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftarannya dari tarikh orang berdaftar itu berhenti memberikan perkhidmatan bercukai atau terhenti bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 18, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau dari apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pada hari orang berdaftar didaftarkan—

(a) dalam hal seorang yang telah didaftarkan di bawah seksyen 13, orang berdaftar itu telah tidak bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 12 atau telah berhenti memberikan perkhidmatan bercukai; atau

(b) dalam hal seorang yang telah didaftarkan di bawah seksyen 14, orang itu telah tidak memberikan perkhidmatan bercukai atau telah berhenti memberikan perkhidmatan bercukai,

Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran orang itu berkuat kuasa dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam pemberitahuan secara bertulis kepada orang itu.

(4) Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran orang berdaftar di bawah subseksyen 14(2) jika orang berdaftar itu melanggar apa-apa syarat yang dikenakan berhubung dengan pendaftaran itu berkuat kuasa dari tarikh pelanggaran itu atau dari apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN V

PERAKAUNAN, TAKSIRAN, MENDAPATKAN BALIK, DSB.

Invois

21. (1) Tiap-tiap orang berdaftar yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai hendaklah mengeluarkan suatu invois yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris kepada pelanggan berkenaan dengan transaksi itu.

(2) Tiada invois yang menunjukkan suatu amaun yang berupa sebagai cukai perkhidmatan boleh dikeluarkan atas pemberian perkhidmatan—

(a) yang bukan perkhidmatan bercukai; atau

(b) oleh seseorang yang bukan orang berdaftar.

(3) Amaun cukai perkhidmatan yang kena dibayar hendaklah dipungut oleh orang berdaftar daripada pelanggan sebagai tambahan kepada nilai dan apa-apa amaun lain yang terhutang dan kena dibayar oleh pelanggan itu berkenaan dengan perkhidmatan bercukai itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

Pengeluaran invois oleh komputer

22. Bagi maksud mana-mana peruntukan di bawah Akta ini yang berhubungan dengan suatu invois, orang berdaftar hendaklah dianggap sebagai telah mengeluarkan suatu invois kepada pelanggan walaupun tiada penyerahan apa-apa dokumen yang setara dengannya dalam bentuk kertas kepada pelanggan itu jika butir-butir yang ditetapkan yang disebut dalam subseksyen 21(1) direkodkan dalam komputer dan—

(a) dihantar atau dijadikan tersedia kepada pelanggan itu secara elektronik; atau

(b) dikeluarkan atas apa-apa bahan selain kertas dan diserahkan kepada pelanggan itu.

Nota kredit dan nota debit

23. Jika apa-apa perkhidmatan bercukai diberikan oleh mana-mana orang berdaftar yang melibatkan pengeluaran dan penerimaan nota kredit atau nota debit di bawah hal keadaan dan syarat yang ditetapkan, orang berdaftar itu hendaklah membuat potongan atau tambahan cukai perkhidmatan dalam penyatanya dengan sewajarnya, dan nota kredit dan nota debit itu hendaklah mengandungi butir-butir yang ditetapkan.

Kewajipan untuk menyimpan rekod

24. (1) Tiap-tiap orang kena cukai hendaklah menyimpan rekod yang lengkap dan benar yang ditulis secara kemas kini bagi semua transaksi yang menyentuh atau boleh menyentuh tanggungannya terhadap cukai perkhidmatan, termasuk rekod-rekod yang berikut:

(a) semua rekod pemberian perkhidmatan bercukai oleh atau kepada orang kena cukai itu termasuk invois, resit, nota debit dan nota kredit; dan

(b) semua rekod lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa rekod yang disimpan di bawah seksyen ini hendaklah—

(a) dipelihara bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh terakhir yang berhubungan dengan rekod itu;

(b) dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris; dan

(c) disimpan di Malaysia, kecuali jika diluluskan selainnya oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya.

(3) Jika rekod itu adalah dalam bentuk yang boleh dibaca secara elektronik, rekod itu hendaklah disimpan mengikut apa-apa cara yang membolehkan rekod itu mudah diakses dan boleh ditukar ke dalam bentuk tulisan.

(4) Jika rekod itu pada asalnya dalam bentuk manual dan kemudiannya ditukar ke dalam bentuk elektronik, rekod itu hendaklah dikekalkan dalam bentuk asalnya sebelum penukaran itu.

(5) Suatu salinan rekod itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding setakat yang sama sebagaimana rekod itu sendiri.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2), (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tempoh bercukai

25. (1) Tempoh bercukai yang pertama bagi tiap-tiap orang kena cukai hendaklah bermula dari tarikh dia sepatutnya berdaftar di bawah seksyen 13 dan berakhir pada hari terakhir bulan berikutnya dan tempoh bercukai seterusnya hendaklah suatu tempoh selama dua bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam mana-mana tahun kalendar.

(2) Orang kena cukai boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk suatu tempoh bercukai selain tempoh sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen (1).

(3) Ketua Pengarah boleh, apabila apa-apa permohonan bawah subseksyen (2) diterima—

(a) membenarkan permohonan itu dan tempoh bercukai hendaklah tempoh sebagaimana yang dipohon;

(b) menolak permohonan itu dan tempoh bercukai hendaklah kekal sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen (1); atau

(c) mengubah tempoh bagi tempoh bercukai atau tarikh tempoh bercukai itu bermula atau berakhir.

(4) Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, menetapkan semula orang kena cukai kepada mana-mana tempoh bercukai selain tempoh yang telah ditentukan kepadanya sebelum itu di bawah subseksyen (1) atau (3).

Pengemukaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar

26. (1) Tiap-tiap orang kena cukai hendaklah, berkenaan dengan tempoh bercukainya, mengakaunkan cukai perkhidmatan yang genap masa dalam suatu penyata sebagaimana yang ditetapkan dan penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai orang kena cukai itu yang berhubungan dengan penyata itu.

(2) Jika tempoh bercukai telah diubah di bawah perenggan 25(3)*(c)* dan walau apa pun subseksyen (1), penyata itu hendaklah dikemukakan dalam masa tiga puluh hari dari berakhirnya tempoh bercukai yang diubah itu.

(3) Seseorang orang berdaftar yang terhenti daripada bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 18 atau yang berhenti menjalankan perniagaan perkhidmatan bercukai di bawah seksyen 19 hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas pemberhentian itu, atau apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, mengemukakan suatu penyata yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan bahagian tempoh bercukai yang terakhir itu yang dalamnya orang itu didaftarkan.

(4) Mana-mana orang kena cukai yang dikehendaki untuk mengemukakan penyata di bawah seksyen ini hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar olehnya berkenaan dengan tempoh bercukai yang berhubungan dengan penyata itu tidak lewat daripada hari terakhir yang dia dikehendaki untuk mengemukakan penyata itu.

(5) Penyata yang disebut dalam subseksyen (1), (2) dan (3) hendaklah dikemukakan sama ada terdapat cukai perkhidmatan yang kena dibayar atau tidak.

(6) Mana-mana orang kena cukai yang—

(a) melanggar subseksyen (1), (2) atau (3); atau

(b) mengemukakan suatu penyata yang tidak betul,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(7) Mana-mana orang kena cukai yang tidak membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(8) Jika apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana orang kena cukai selepas hari terakhir cukai perkhidmatan itu genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (4) dan tiada pendakwaan dimulakan, orang kena cukai itu hendaklah membayar—

(a) untuk tempoh tiga puluh hari pertama yang cukai perkhidmatan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), suatu penalti sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai perkhidmatan itu yang masih belum dibayar;

(b) untuk tempoh tiga puluh hari kedua yang cukai perkhidmatan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), suatu penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada amaun cukai perkhidmatan itu yang masih belum dibayar; dan

(c) untuk tempoh tiga puluh hari ketiga yang cukai perkhidmatan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (4), suatu penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada amaun cukai perkhidmatan itu yang masih belum dibayar.

(9) Tertakluk kepada subseksyen (11), pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (7) boleh dimulakan selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (8)*(c)*.

(10) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana orang kena cukai yang disabitkan dengan kesalahan di bawah subseksyen (7) untuk membayar penalti yang dinyatakan dalam subseksyen (8).

(11) Tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (7) boleh dimulakan terhadap mana-mana orang kena cukai yang telah membayar amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang dinyatakan di bawah subseksyen (8) dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (8).

Kuasa untuk menaksir

27. (1) Jika mana-mana orang kena cukai—

(a) tidak memohon bagi pendaftaran di bawah seksyen 13;

(b) tidak mengemukakan suatu penyata di bawah seksyen 26; atau

(c) mengemukakan suatu penyata yang didapati oleh Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul;

Ketua Pengarah boleh menaksir mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar di bawah subseksyen 26(8), jika ada, oleh orang kena cukai itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang kena cukai itu tentang taksiran itu secara bertulis.

(2) Jika suatu amaun telah dibayar kepada mana-mana orang sebagai pembayaran balik cukai perkhidmatan di bawah Akta ini yang sepatutnya tidak dibayar kepadanya, Ketua Pengarah boleh menaksir amaun pembayaran balik itu sebagai cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar olehnya dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang kena cukai itu tentang taksiran itu secara bertulis.

(3) Taksiran di bawah subseksyen (1) dan (2) tidak boleh dibuat lebih daripada enam tahun dari tarikh cukai perkhidmatan itu telah genap masa dan kena dibayar atau dari tarikh pembayaran balik cukai perkhidmatan itu telah dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali jika pada pendapat Ketua Pengarah apa-apa bentuk fraud atau keingkaran sengaja telah dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang berhubung dengan cukai perkhidmatan

atau pembayaran bayaran balik itu, Ketua Pengarah boleh, bagi maksud menampung apa-apa kehilangan cukai perkhidmatan atau pembayaran balik cukai perkhidmatan yang boleh dikaitkan dengan fraud atau keingkaran sengaja itu, membuat suatu taksiran pada bila-bila masa.

(4) Jika—

(a) Ketua Pengarah telah membuat suatu taksiran cukai perkhidmatan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan perenggan (1)*(a)* atau *(b)*;

(b) cukai perkhidmatan yang ditaksir di bawah perenggan *(a)* telah dibayar tetapi tiada penyata dikemukakan bagi tempoh bercukai yang berhubungan dengan taksiran itu; dan

(c) orang kena cukai tidak mengemukakan suatu penyata bagi apa-apa tempoh bercukai yang berikutnya,

Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, menaksir suatu amaun cukai perkhidmatan yang lebih tinggi daripada amaun yang selainnya patut dipertimbangkannya sebagai wajar.

(5) Jika Ketua Pengarah mendapati bahawa amaun yang sepatutnya telah ditaksir dalam suatu taksiran di bawah subseksyen (1), (2) atau (4) melebihi amaun yang ditaksir sedemikian, dia boleh—

(a) di bawah peruntukan yang sama sebagaimana yang taksiran itu dibuat; dan

(b) dalam tempoh bercukai yang dalamnya taksiran itu sepatutnya telah dibuat,

membuat suatu taksiran tambahan bagi amaun yang terlebih itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang kena cukai itu secara bertulis dengan sewajarnya.

(6) Jika amaun cukai perkhidmatan dan penalti, jika ada, telah ditaksir dan diberitahu kepada mana-mana orang kena cukai di bawah subseksyen (1), (2) atau (5), ia hendaklah disifatkan

sebagai suatu amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar, oleh orang kena cukai itu dan boleh didapatkan balik dengan sewajarnya dan amaun cukai perkhidmatan dan penalti itu, jika ada, hendaklah dibayar oleh orang kena cukai itu, sama ada atau tidak orang kena cukai itu merayu terhadap taksiran itu, kepada Ketua Pengarah melainkan jika atau kecuali setakat taksiran itu ditarik balik atau dikurangkan oleh Ketua Pengarah.

(7) Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa pengubahan atau penambahan kepada taksiran yang dibuat di bawah seksyen ini sebagaimana yang difikirkan patut olehnya untuk memastikan taksiran itu betul dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu secara bertulis.

Mendapatkan balik cukai perkhidmatan, dsb., sebagai hutang sivil

28. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain dan walau apa pun apa-apa kajian semula atau rayuan terhadap apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah seksyen 81, apa-apa cukai perkhidmatan yang terhutang dan kena dibayar, apa-apa surcaj yang terakru, atau apa-apa penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar, di bawah Akta ini boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(2) Jika suatu invois menunjukkan pemberian perkhidmatan bercukai sebagai telah berlaku dengan cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan ke atas perkhidmatan itu, maka hendaklah boleh didapatkan balik daripada orang yang mengeluarkan invois itu suatu amaun yang bersamaan dengan—

(a) amaun yang ditunjukkan dalam invois itu sebagai cukai perkhidmatan; atau

(b) sekian banyak daripada jumlah amaun yang ditunjukkan sebagai kena dibayar yang akan dianggap sebagai merupakan cukai perkhidmatan, jika cukai perkhidmatan tidak ditunjukkan secara berasingan dalam invois itu,

bagi pemberian perkhidmatan bercukai itu.

(3) Subseksyen (2) hendaklah terpakai sama ada atau tidak—

(a) invois itu ialah suatu invois yang dikeluarkan di bawah seksyen 21 atau 22;

(b) pemberian perkhidmatan bercukai yang ditunjukkan pada invois itu sebenarnya berlaku atau telah berlaku atau amaun yang ditunjukkan sebagai cukai perkhidmatan atau apa-apa amaun cukai perkhidmatan boleh dikenakan atau telah boleh dikenakan ke atas pemberian perkhidmatan bercukai itu; atau

(c) orang yang mengeluarkan invois itu ialah seorang orang berdaftar,

dan apa-apa amaun yang boleh didapatkan balik daripada orang itu di bawah subseksyen (2) hendaklah boleh didapatkan balik sedemikian dan hendaklah selainnya boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(4) Dalam apa-apa prosiding untuk mendapatkan balik cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain di bawah subseksyen (1), pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah—

(a) yang menyatakan bahawa apa-apa cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain dan amaun yang ditunjukkan dalam perakuan itu sebagai yang terhutang dan kena dibayar, terakru atau kena dibayar, dalam apa-apa penyata, taksiran atau notis yang dibuat di bawah Akta ini daripada orang yang dinamakan dalam perakuan itu; dan

(b) yang memberikan alamat orang itu dan yang berupa sebagai suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa notis taksiran,

hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain dan amaun itu sebagai yang terhutang dan kena dibayar, terakru atau kena dibayar, dalam apa-apa penyata, taksiran atau notis dan hendaklah menjadi autoriti yang mencukupi bagi mahkamah untuk memberikan penghakiman bagi amaun itu.

(5) Apa-apa penalti yang dikenakan di bawah Akta ini hendaklah, bagi maksud Akta ini dan Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*], Ordinan Had Masa Sabah [*Sabah Bab 72*] atau Ordinan Had Masa Sarawak [*Sarawak Bab 49*], mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh didapatkan balik seolah-olah penalti itu ialah cukai perkhidmatan yang terhutang dan kena dibayar di bawah Akta ini dan dengan demikian subseksyen 6(4) Akta Had Masa 1953, seksyen 3 Ordinan Had Masa Sabah atau seksyen 3 Ordinan Had Masa Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak terpakai bagi penalti itu.

Kuasa untuk memungut cukai perkhidmatan, dsb., daripada orang yang terhutang wang pada orang kena cukai

29. (1) Jika apa-apa jumlah wang melalui cukai perkhidmatan terhutang dan kena dibayar, surcaj terakru, atau penalti, fi atau wang lain kena dibayar, oleh orang kena cukai, Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki—

(a) mana-mana orang yang olehnya apa-apa wang terhutang atau terakru atau boleh menjadi terhutang dan kena dibayar kepada orang kena cukai itu;

(b) mana-mana orang yang memegang atau yang boleh kemudiannya memegang wang bagi atau untuk orang kena cukai itu;

(c) mana-mana orang yang memegang atau yang boleh kemudiannya memegang wang bagi atau untuk mana-mana orang untuk pembayaran kepada orang kena cukai itu; atau

(d) mana-mana orang yang mempunyai kuasa daripada mana-mana orang lain untuk membayar wang kepada orang kena cukai itu,

supaya membayar kepada Ketua Pengarah dengan serta-merta, atau dalam masa yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, wang itu, yang bukan gaji atau upah yang terhutang atau terakru kepada orang kena cukai itu, atau sekian banyak daripada wang itu yang cukup untuk membayar jumlah wang yang terhutang dan kena dibayar, terakru atau kena dibayar itu oleh orang kena cukai itu sebagaimana yang disebut terdahulu.

(2) Suatu salinan notis di bawah subseksyen (1) hendaklah dikemukakan kepada orang kena cukai di alamatnya yang terakhir diketahui.

(3) Semua bayaran yang dibuat menurut suatu notis di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah dibuat bagi pihak orang kena cukai itu dan dengan kuasa daripada orang kena cukai itu dan daripada semua orang lain yang berkenaan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan kepadanya maklumat—

(a) mengenai apa-apa wang, dana atau aset yang boleh dipegang oleh orang itu bagi pihak mana-mana orang lain; atau

(b) mengenai apa-apa wang yang terhutang dan kena dibayar olehnya kepada mana-mana orang lain.

Mendapatkan balik cukai perkhidmatan sebelum kena dibayar daripada orang yang hendak meninggalkan Malaysia

30. Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang hendak atau berkemungkinan akan meninggalkan Malaysia sebelum apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa olehnya menjadi kena dibayar mengikut peruntukan Akta ini, cukai perkhidmatan itu hendaklah, jika difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, kena dibayar pada apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan orang itu hendaklah diberitahu dengan sewajarnya.

Mendapatkan balik cukai perkhidmatan, dsb., daripada orang yang hendak meninggalkan Malaysia tanpa membayar cukai perkhidmatan, dsb.

31. (1) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang hendak atau berkemungkinan akan meninggalkan Malaysia tanpa membayar—

(a) apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar olehnya di bawah subseksyen 26(4);

(b) apa-apa penalti yang kena dibayar olehnya di bawah subseksyen 26(8);

(c) apa-apa surcaj yang terakru olehnya di bawah subseksyen 32(3);

(d) apa-apa fi yang kena dibayar olehnya di bawah Akta ini; atau

(e) apa-apa wang lain yang boleh didapatkan balik daripadanya di bawah Akta ini,

Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada Ketua Pengarah Imigresen suatu notis yang mengandungi butir-butir mengenai orang itu dan kesalahan yang dilakukan dengan permintaan supaya orang itu dihalang daripada meninggalkan Malaysia melainkan jika dia membayar cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu, atau mengemukakan jaminan sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayarannya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan imigresen, Ketua Pengarah Imigresen yang menerima permintaan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan seseorang hendaklah menjalankan segala langkah yang boleh termasuk mengambil dan menahan apa-apa perakuan pengenalan, pasport, permit keluar atau dokumen perjalanan lain berhubung dengan orang itu sebagaimana yang perlu untuk menguatkuasakan permintaan itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan notis di bawah subseksyen (1) disampaikan secara ke diri atau melalui pos berdaftar kepada orang yang berhubungan dengan permintaan itu.

(4) Ketidakterimaan notis di bawah subseksyen (1) oleh orang yang disebut dalam subseksyen (3) tidak boleh menidaksahkan apa-apa jua yang dilakukan di bawah seksyen ini.

(5) Jika orang yang berkenaan dengannya suatu notis telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) mengemukakan, pada atau selepas tarikh notis itu, suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa

semua cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang dinyatakan dalam notis itu telah dibayar, atau bahawa jaminan telah dikemukakan bagi pembayarannya, pernyataan itu hendaklah menjadi kuasa yang mencukupi untuk membenarkan orang itu meninggalkan Malaysia.

(6) Tiada prosiding undang-undang boleh dimulakan atau dibuat terhadap Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana pegawai awam lain berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan dengan sah di bawah seksyen ini.

Pembayaran secara ansuran

32. (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, atau penalti yang kena dibayar, dibayar secara ansuran di bawah hal keadaan yang ditetapkan dalam apa-apa amaun dan pada apa-apa tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika cukai perkhidmatan dibenarkan untuk dibayar secara ansuran, penalti di bawah subseksyen 26(8) hendaklah terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran itu.

(3) Jika berlaku keingkaran dalam pembayaran apa-apa ansuran di bawah subseksyen (1) pada tarikh genap masanya bagi pembayaran baki amaun yang genap masa dan kena dibayar, keseluruhan baki belum jelas itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh itu dan hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang bertanggungan untuk membayar amaun yang terhutang itu, tertakluk kepada suatu surcaj yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada baki itu dan surcaj itu hendaklah boleh didapatkan balik seolah-olah surcaj itu adalah terhutang dan kena dibayar di bawah Akta ini.

Tanggungan pengarah, dsb.

33. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, tetapi tertakluk kepada subseksyen (2) berhubung dengan suatu syarikat yang sedang digulung, jika cukai perkhidmatan adalah genap masa dan kena dibayar, surcaj adalah terakru, atau

penalti, fi atau wang lain adalah kena dibayar, di bawah Akta ini oleh mana-mana syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain—

(a) pengarah syarikat itu;

(b) pegawai pematuhan yang dilantik dalam kalangan pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu atau jika tiada pegawai pematuhan dilantik sedemikian, mana-mana pekongsi atau semua pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu;

(c) pekongsi firma itu;

(d) pemegang jawatan pertubuhan itu; atau

(e) orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu,

mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah bersama dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain itu bertanggungan secara bersesama dan berasingan bagi cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu.

(2) Berhubung dengan suatu syarikat yang sedang digulung, pengarah syarikat itu hendaklah hanya bertanggungan jika aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun yang terhutang, selepas membayar apa-apa jumlah wang yang mempunyai keutamaan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berhubung dengan penggunaan aset syarikat itu dalam penggulungan itu berbanding dengan cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu.

BAHAGIAN VI

PENGECUALIAN, PEMBAYARAN BALIK DAN PEREMITAN

Kuasa Menteri untuk mengecualikan dan membayar balik

34. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

(3) Menteri boleh, dalam apa-apa hal tertentu dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya—

(a) mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan; atau

(b) mengarahkan Ketua Pengarah untuk membuat pembayaran balik kepada mana-mana orang atau golongan orang keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan atau penalti yang dibayar oleh orang atau golongan orang itu.

(4) Jika orang berdaftar memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai kepada seseorang atau golongan orang yang dikecualikan di bawah subseksyen (1) atau perenggan (3)*(a)*, orang berdaftar itu hendaklah dikecualikan daripada mengenakan dan memungut cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar atas perkhidmatan bercukai itu.

(5) Jika mana-mana orang yang dikecualikan di bawah subseksyen (1) atau perenggan (3)*(a)* tidak mematuhi apa-apa syarat yang berhubungan dengan pengecualian itu, apa-apa cukai perkhidmatan yang menjadi perkara kepada pengecualian itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar oleh orang itu pada tarikh mana-mana syarat itu tidak dipatuhi.

(6) Jika seseorang yang telah diberikan pengecualian di bawah subseksyen (1) atau perenggan (3)*(a)* telah membayar apa-apa cukai perkhidmatan yang berhubungan dengan pengecualian itu dan yang telah diberi kelulusan oleh Menteri bagi pembayaran balik amaun cukai perkhidmatan yang telah dibayar, orang itu adalah berhak bagi pembayaran balik itu.

Tuntutan bagi pembayaran balik cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk

35. (1) Mana-mana orang yang merupakan, atau telah terhenti menjadi, orang berdaftar boleh membuat tuntutan kepada Ketua Pengarah bagi pembayaran balik keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa cukai perkhidmatan yang dibayar olehnya berkenaan dengan perkhidmatan bercukai jika—

(a) keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang kena dibayar kepada orang itu telah dihapus kira dalam akaunnya sebagai hutang lapuk; dan

(b) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa segala usaha yang munasabah telah dibuat oleh orang itu untuk mendapatkan balik cukai perkhidmatan itu.

(2) Jika orang yang membuat tuntutan bagi pembayaran balik di bawah subseksyen (1) berhubung dengan hutang lapuk—

(a) tidak menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai itu, orang itu boleh membuat tuntutan bagi bayaran balik keseluruhan cukai perkhidmatan yang telah dibayar itu; atau

(b) telah menerima apa-apa bayaran berkenaan pemberian perkhidmatan bercukai itu, orang itu boleh membuat tuntutan bagi perbezaan antara cukai perkhidmatan yang telah dibayar dengan amaun yang dikira mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu A ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai itu;

B ialah nilai perkhidmatan bercukai itu ditambah dengan cukai perkhidmatan yang kena dibayar atas perkhidmatan bercukai itu; dan

C ialah cukai perkhidmatan yang kena dibayar atas perkhidmatan bercukai itu.

(3) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) boleh membuat tuntutan bagi pembayaran balik keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk dalam masa enam tahun dari tarikh cukai perkhidmatan dibayar olehnya dan Ketua Pengarah boleh membayar balik keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan itu selepas berpuas hati bahawa orang itu telah membuktikan tuntutan itu dengan sewajarnya.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "hutang lapuk" ertinya amaun belum jelas bagi bayaran berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai termasuk cukai perkhidmatan yang terhutang kepada seseorang yang merupakan, atau telah terhenti menjadi, orang berdaftar tetapi tidak dibayar kepada, dan tidak boleh didapatkan balik oleh, orang itu.

Pembayaran semula cukai perkhidmatan berhubung dengan hutang lapuk

36. Jika pembayaran balik cukai perkhidmatan telah dibuat di bawah seksyen 35 oleh Ketua Pengarah kepada orang yang disebut dalam subseksyen 35(1) dan apa-apa bayaran berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai yang baginya cukai perkhidmatan itu kena dibayar kemudiannya diterima oleh orang itu, orang itu hendaklah membayar semula kepada Ketua Pengarah suatu amaun yang dikira mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu A ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan pemberian perkhidmatan bercukai itu;

B ialah nilai perkhidmatan bercukai itu ditambah dengan cukai perkhidmatan yang kena dibayar atas perkhidmatan bercukai itu; dan

C ialah cukai perkhidmatan yang kena dibayar atas perkhidmatan bercukai itu.

Pembayaran cukai perkhidmatan, dsb., yang terkurang dibayar atau dibayar balik secara silap

37. (1) Jika—

(a) keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, surcaj yang terakru, atau penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar, di bawah Akta ini tidak dibayar oleh seseorang; atau

(b) keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, surcaj yang terakru, atau penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar, selepas bayaran dibuat, telah dibayar balik secara silap kepada seseorang,

Ketua Pengarah hendaklah menuntut daripada orang itu untuk membayar cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu, atau cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang terkurang itu, atau untuk membayar semula bayaran balik yang dibayar kepadanya secara silap.

(2) Tuntutan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam masa enam tahun dari tarikh—

(a) cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu telah kena dibayar, atau cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang terkurang itu telah dibayar; atau

(b) pembayaran balik itu telah dibuat.

(3) Apabila tuntutan di bawah subseksyen (1) diterima, orang itu hendaklah—

(a) membayar cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu, atau cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang terkurang itu; atau

(b) membayar semula bayaran balik yang telah dibayar secara silap kepadanya.

Pembayaran balik cukai perkhidmatan, dsb., yang terlebih bayar atau dibayar secara silap

38. (1) Mana-mana orang yang—

(a) telah terlebih bayar atau membayar secara silap apa-apa cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain; atau

(b) berhak untuk mendapatkan bayaran balik di bawah subseksyen 34(6) atau 40(3),

boleh membuat tuntutan bagi pembayaran balik dalam borang yang ditetapkan.

(2) Suatu tuntutan bagi pembayaran balik di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam masa satu tahun dari masa—

(a) berlakunya pembayaran terlebih itu atau pembayaran yang silap itu; atau

(b) berlakunya kelayakan terhadap pembayaran balik di bawah subseksyen 34(6) atau 40(3).

(3) Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa pembayaran balik berkenaan dengan tuntutan di bawah subseksyen (1) setelah berpuas hati bahawa orang itu telah membuktikan tuntutan itu dengan sewajarnya.

(4) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau tidak membenarkan apa-apa pembayaran balik yang terhutang berkenaan dengan tuntutan di bawah subseksyen (1) setakat yang pembayaran balik itu akan dengan tidak patut memperkaya orang yang disebut dalam subseksyen (1).

(5) Suatu tuntutan bagi pembayaran balik di bawah seksyen ini hendaklah disokong oleh apa-apa keterangan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

Potongan daripada penyata bagi cukai perkhidmatan yang dibayar balik

39. (1) Ketua Pengarah boleh meluluskan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, suatu permohonan oleh mana-mana orang berdaftar untuk memotong dari semasa ke semasa daripada penyatanya yang disebut dalam seksyen 26 amaun cukai perkhidmatan yang telah dibayar tetapi kemudiannya dibayar balik kepada pelanggannya oleh sebab—

(a) pembatalan perkhidmatan bercukai;

(b) penamatan perkhidmatan bercukai; atau

(c) apa-apa sebab lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Orang kena cukai itu hendaklah membuat potongan yang disebut dalam subseksyen (1) dalam masa satu tahun selepas pembayaran itu dibuat, atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Peremitan cukai perkhidmatan, dsb.

40. (1) Menteri boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini jika difikirkan patut olehnya.

(2) Ketua Pengarah boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian surcaj yang terakru, atau penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar, di bawah Akta ini jika difikirkan patut olehnya.

(3) Jika seseorang yang telah diberikan peremitan di bawah subseksyen (1) atau (2) telah membayar apa-apa cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang berhubungan dengan peremitan itu, dia berhak kepada suatu pembayaran balik amaun cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang telah diremitkan itu.

BAHAGIAN VII

KETETAPAN

Ketetapan umum

41. (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, membuat suatu ketetapan umum mengenai pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini berhubung dengan mana-mana orang atau golongan orang, atau apa-apa jenis aktiviti perniagaan.

(2) Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, apa-apa ketetapan umum yang dibuat di bawah seksyen ini.

(3) Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, jika suatu ketetapan umum di bawah subseksyen (1) terpakai bagi mana-mana orang berhubung dengan suatu aktiviti perniagaan dan orang itu mengguna pakai peruntukan itu mengikut cara yang dinyatakan dalam ketetapan itu, Ketua Pengarah hendaklah mengguna pakai peruntukan itu berhubung dengan orang dan aktiviti perniagaan itu mengikut ketetapan itu.

Ketetapan kastam

42. (1) Mana-mana orang boleh memohon, dalam borang yang ditetapkan bersama dengan fi yang ditetapkan, kepada Ketua Pengarah bagi suatu ketetapan kastam berkenaan dengan mana-mana satu atau lebih perkara yang berikut:

(a) penentuan perkhidmatan bercukai;

(b) penentuan orang kena cukai;

(c) prinsip-prinsip yang boleh diterima pakai bagi maksud penentuan nilai perkhidmatan bercukai;

(d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan bagi ketetapan kastam di bawah subseksyen (1) boleh dibuat—

(a) pada bila-bila masa sebelum apa-apa perkhidmatan diberikan; atau

(b) pada bila-bila masa kemudian, jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Seorang pemohon boleh menarik balik permohonannya pada bila-bila masa sebelum suatu ketetapan kastam dibuat dan apa-apa pembayaran yang telah dibuat yang berhubungan dengan permohonan bagi ketetapan kastam itu hendaklah dilucuthakkan oleh Ketua Pengarah.

Membuat ketetapan kastam

43. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Ketua Pengarah hendaklah membuat suatu ketetapan kastam berkenaan dengan apa-apa perkara yang dinyatakan dalam permohonan yang dibuat di bawah seksyen 42 dan ketetapan kastam itu hendaklah mengikat pemohon itu.

(2) Apa-apa ketetapan kastam yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh menolak untuk membuat ketetapan kastam jika, pada pendapatnya—

(a) maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah tidak mencukupi untuk berbuat demikian;

(b) permohonan itu adalah untuk situasi andaian; atau

(c) apa-apa rayuan yang belum selesai di bawah seksyen 81 melibatkan hal perkara yang disebut dalam permohonan itu.

Pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan ketetapan kastam

44. (1) Suatu ketetapan kastam boleh dipinda, diubah suai atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah jika—

(a) ketetapan kastam itu mengandungi suatu kesilapan yang perlu diperbetulkan;

(b) ketetapan kastam itu adalah berdasarkan suatu kesilapan fakta atau undang-undang;

(c) terdapat perubahan dalam undang-undang yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan; atau

(d) terdapat perubahan dalam fakta material atau hal keadaan yang menjadi asas kepada ketetapan kastam itu.

(2) Ketua Pengarah hendaklah, sebaik selepas membuat pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan itu, memberikan notis secara bertulis kepada pemohon yang disebut dalam seksyen 42 mengenai pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan itu dan ketetapan kastam yang dipinda, diubah suai atau dibatalkan itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2) dan tertakluk kepada seksyen 38, jika pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan suatu ketetapan kastam mempunyai kesan dalam mengurangkan apa-apa tanggungan cukai perkhidmatan berkenaan dengan mana-mana perkhidmatan bercukai, apa-apa cukai perkhidmatan yang lebih tinggi yang telah dibayar hendaklah dianggap seolah-olah cukai perkhidmatan yang lebih tinggi itu telah tersilap bayar.

Ketua Pengarah hendaklah mengisytiharkan ketetapan kastam terbatal, dsb.

45. Ketua Pengarah hendaklah, melalui suatu notis, mengisytiharkan suatu ketetapan kastam yang dibuat di bawah seksyen 43 adalah terbatal, tidak sah dan tidak mempunyai kesan jika ketetapan itu telah didapatkan oleh pemohon yang disebut dalam seksyen 42 melalui fraud, salah nyataan atau pemalsuan fakta.

Ketetapan kastam yang berbeza mengenai hal perkara yang sama

46. Jika pemohon yang disebut dalam seksyen 42 menerima dua atau lebih ketetapan kastam yang berbeza mengenai hal perkara yang sama, ketetapan-ketetapan itu hendaklah dianggap sebagai terbatal dan tidak sah, dan pemohon itu hendaklah dengan segera memberitahu Ketua Pengarah yang hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu, membuat suatu ketetapan kastam yang baharu.

Bahagian VIII

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN

Tafsiran

47. Dalam Bahagian ini, "Malaysia" tidak termasuk kawasan ditetapkan dan kawasan khas.

Perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan, dsb.

48. Walau apa pun seksyen 7, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan dan dilevikan ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara kawasan ditetapkan dengan kawasan khas melainkan jika Menteri menetapkan selainnya melalui suatu perintah di bawah seksyen 51.

Perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan ditetapkan

49. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan ditetapkan ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan olehnya di dalam Malaysia.

Perkhidmatan bercukai yang diberikan ke kawasan ditetapkan oleh orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia

50. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan oleh mana-mana orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai ke kawasan ditetapkan.

Kuasa Menteri untuk mengenakan cukai perkhidmatan

51. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan apa-apa perkhidmatan yang diberikan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara kawasan ditetapkan dengan kawasan khas supaya dikenakan cukai perkhidmatan.

Bahagian IX

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN KAWASAN KHAS

Tafsiran

52. Dalam Bahagian ini, "Malaysia" tidak termasuk kawasan khas dan kawasan ditetapkan.

Perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara kawasan khas, dsb.

53. Walau apa pun seksyen 7, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan dan dilevikan ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan di dalam atau di antara kawasan khas atau di antara kawasan khas dengan kawasan ditetapkan melainkan jika Menteri menetapkan selainnya melalui suatu perintah di bawah seksyen 56.

Perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan khas

54. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di kawasan khas ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan olehnya di dalam Malaysia.

Perkhidmatan bercukai yang diberikan ke kawasan khas oleh orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia

55. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan oleh mana-mana orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia yang memberikan apa-apa perkhidmatan bercukai ke kawasan khas.

Kuasa Menteri untuk mengenakan cukai perkhidmatan

56. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan apa-apa perkhidmatan yang diberikan di dalam atau di antara kawasan khas atau di antara kawasan khas dengan kawasan ditetapkan supaya dikenakan cukai perkhidmatan.

Bahagian X

PENGUATKUASAAN

Orang terikat untuk memberikan maklumat

57. (1) Tiap-tiap orang yang mempunyai maklumat mengenai apa-apa perkara yang menjadi kewajipan pegawai cukai perkhidmatan yang hak untuk menyiasat hendaklah, apabila dikehendaki oleh pegawai itu untuk berbuat demikian, memberikan maklumat itu.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai cukai perkhidmatan yang hak untuk mengemukakan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda yang dalam kuasa orang itu untuk mengemukakannya, dan yang merupakan—

(a) barang, dokumen, artikel atau benda yang digunakan dalam mana-mana transaksi atau perkara lain yang berhubungan dengan cukai perkhidmatan; atau

(b) barang, dokumen, artikel atau benda yang menjadi kewajipan pegawai cukai perkhidmatan yang hak untuk menyiasat di bawah Akta ini,

hendaklah mengemukakan barang, dokumen, artikel atau benda itu.

(3) Jika apa-apa maklumat, barang, dokumen, artikel atau benda bukan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang hak boleh melalui notis secara bertulis menghendaki orang itu atau mana-mana orang lain untuk mengemukakan dalam tempoh yang munasabah suatu terjemahan bagi maklumat, barang, dokumen, artikel atau benda itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai cukai perkhidmatan yang hak itu.

(4) Mana-mana orang—

(a) yang melanggar subseksyen (1) atau (2); atau

(b) yang tidak mengemukakan suatu terjemahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3),

melakukan suatu kesalahan.

Akses kepada tempat atau premis

58. (1) Bagi maksud Akta ini, mana-mana pegawai kanan cukai perkhidmatan hendaklah pada setiap masa mempunyai akses kepada mana-mana tempat atau premis di mana orang yang memberikan perkhidmatan menjalankan perniagaannya.

(2) Jika mana-mana pegawai kanan cukai perkhidmatan menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), orang yang menjalankan perniagaannya atau mana-mana orang lain yang berada di tempat atau di premis pada masa ia dimasuki hendaklah memberikan kepada pegawai itu segala kemudahan dan bantuan yang munasabah untuk menjalankan kewajipannya di bawah seksyen ini.

(3) Jika mana-mana pegawai kanan cukai perkhidmatan memasuki mana-mana tempat atau premis mengikut seksyen ini, dia boleh—

(a) menghendaki orang yang memberi perkhidmatan yang menjalankan perniagaannya di tempat atau di premis itu atau mana-mana orang lain yang berada di tempat atau di premis itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mengemukakan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda, yang orang itu dikehendaki untuk menyimpannya di bawah peruntukan Akta ini, atau yang berhubungan dengan mana-mana perkhidmatan bercukai;

(b) memeriksa apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda dan mengambil salinan apa-apa dokumen;

(c) menyita dan menahan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda yang, pada pendapatnya, boleh memberikan keterangan mengenai pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;

(d) menghendaki orang yang memberi perkhidmatan yang menjalankan perniagaannya di tempat atau di premis itu atau mana-mana orang lain yang berada di tempat atau di premis itu, atau mana-mana orang yang diambil kerja oleh orang itu untuk menjawab soalan yang berhubungan dengan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda, atau apa-apa catatan dalam mana-mana dokumen, atau mana-mana perkhidmatan bercukai;

(e) menghendaki apa-apa bekas, sampul atau bekas muatan lain di tempat atau premis itu dibuka; atau

(f) atas risiko dan perbelanjaan orang yang memberi perkhidmatan yang menjalankan perniagaannya di tempat atau di premis itu atau mana-mana orang yang berada di tempat atau di premis itu, membuka dan memeriksa apa-apa bungkusan, atau apa-apa barang atau bahan, di tempat atau di premis itu.

(4) Jika pegawai kanan cukai perkhidmatan yang bertindak di bawah seksyen ini tidak mendapat akses kepada mana-mana tempat atau premis di mana seseorang yang memberi perkhidmatan menjalankan perniagaannya, atau kepada mana-mana bekas muatan yang terdapat di dalam tempat atau premis itu, dia boleh, pada bila-bila masa, memasuki tempat atau premis itu, dan membuka bekas muatan itu mengikut apa-apa cara, jika perlu dengan kekerasan, sebagaimana yang difikirkan perlu olehnya.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan.

Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer

59. (1) Mana-mana pegawai kanan cukai perkhidmatan yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 58, 60 dan 61 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer, sama ada disimpan dalam komputer atau selainnya.

(2) Sebagai tambahan, seseorang pegawai kanan cukai perkhidmatan yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 58, 60 dan 61—

(a) boleh memeriksa pengendalian mana-mana komputer dan apa-apa perkakas atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; dan

(b) boleh menghendaki—

(i) orang yang olehnya atau bagi pihaknya pegawai kanan cukai perkhidmatan itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki komputer itu digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu; atau

(ii) orang yang menjaga, atau selainnya terlibat dalam, pengendalian komputer, perkakas atau bahan itu berkaitan dengan maklumat atau data itu,

untuk memberi pegawai itu apa-apa bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud seksyen ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), "akses" termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan maklumat berekod atau data berkomputer itu difahami.

Majistret boleh mengeluarkan waran geledah

60. (1) Apabila mana-mana Majistret mendapati, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkan perlu olehnya, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana tempat, premis atau pengangkut, ada disembunyikan atau disimpan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda yang boleh memberikan keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kanan cukai perkhidmatan yang dinamakan dalamnya, pada bila-bila masa dan dengan atau tanpa bantuan—

(a) untuk memasuki tempat, premis atau pengangkut itu dan untuk menggeledah dan menyita barang, dokumen, artikel atau benda itu; dan

(b) untuk menangkap mana-mana orang yang berada di dalam tempat, premis atau pengangkut itu yang dalam milikannya barang, dokumen, artikel atau benda itu dijumpai atau yang disyaki dengan munasabah sebagai telah menyembunyikan atau menyimpan barang, dokumen, artikel atau benda itu.

(2) Pegawai kanan cukai perkhidmatan yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) boleh, jika perlu untuk berbuat demikian—

(a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam tempat, premis atau pengangkut itu dan memasuki tiap-tiap bahagiannya, jika perlu dengan kekerasan;

(b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan untuk menggeledah atau menyita sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melakukannya; dan

(c) menahan tiap-tiap orang yang dijumpai di dalam tempat, premis atau pengangkut itu sehingga penggeledahan itu selesai.

Penggeledahan boleh dilakukan tanpa waran

61. Apabila pegawai kanan cukai perkhidmatan mendapati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa di dalam mana-mana tempat, premis atau pengangkut ada disembunyikan atau disimpan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda yang boleh memberikan keterangan mengenai pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam memperoleh suatu waran geledah barang, dokumen, artikel atau benda itu mungkin akan dipindahkan, dia boleh menjalankan dalam, ke atas dan berkenaan dengan tempat, premis atau pengangkut itu, semua kuasa di bawah seksyen 60 mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah diberi kuasa untuk berbuat sedemikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Penyitaan barang, dsb.

62. (1) Mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang hak boleh menyita di mana-mana tempat mana-mana yang berikut:

(a) semua barang, dokumen, artikel atau benda yang berkenaan dengannya pegawai cukai perkhidmatan yang hak itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa telah berlaku apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini, atau apa-apa kemungkiran mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya suatu pendaftaran telah diluluskan di bawah seksyen 13 dan 14; dan

(b) apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda lain yang semunasabahnya dipercayai mempunyai kesan terhadap kesalahan, pelanggaran atau kemungkiran yang disebut dalam perenggan *(a)*.

(2) Bilamana apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda disita di bawah Akta ini, pegawai cukai perkhidmatan yang hak hendaklah dengan serta-merta memberikan notis secara bertulis tentang penyitaan itu dan alasan penyitaan itu kepada pemunya barang, dokumen, artikel atau benda itu, jika diketahui, sama ada dengan menyampaikan notis itu kepadanya secara ke diri atau melalui pos ke tempat kediamannya.

(3) Peruntukan seksyen ini yang berhubungan dengan penyitaan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda hendaklah terpakai bagi semua kandungan apa-apa bekas muatan atau bungkusan yang di dalamnya barang, dokumen, artikel atau benda itu dijumpai, dan apa-apa artikel yang digunakan untuk menyembunyikan barang, dokumen, artikel atau benda itu.

(4) Jika seseorang pegawai kanan cukai perkhidmatan berpuas hati bahawa barang, dokumen, artikel atau benda yang disita itu tidak dikehendaki bagi maksud siasatan, pendakwaan atau mana-mana prosiding di bawah Akta ini, dia boleh memulangkan semula barang, dokumen, artikel atau benda itu kepada—

(a) pemunya barang, dokumen, artikel atau benda itu; atau

(b) orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya, barang, dokumen, artikel atau benda itu disita.

Kuasa menangkap

63. (1) Mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang hak boleh menangkap tanpa waran—

(a) mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba untuk melakukan, atau mengambil kerja atau menolong mana-mana orang untuk melakukan, atau bersubahat dalam pelakuan, suatu kesalahan di bawah Akta ini;

(b) mana-mana orang yang disyakinya dengan munasabah ada dalam milikannya apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda yang boleh disita di bawah Akta ini; atau

(c) mana-mana orang yang disyakinya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Pegawai cukai perkhidmatan yang hak boleh memeriksa atau menyebabkan supaya diperiksa mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) dengan syarat bahawa—

(a) mana-mana orang yang meminta supaya dirinya diperiksa dengan kehadiran seorang pegawai kanan cukai perkhidmatan tidak boleh diperiksa kecuali dengan kehadiran dan di bawah penyeliaan pegawai kanan cukai

perkhidmatan itu, tetapi orang itu boleh ditahan sehingga ketibaan pegawai kanan cukai perkhidmatan itu, atau dibawa ke mana-mana pejabat atau balai polis di mana pegawai kanan cukai perkhidmatan itu boleh ditemui;

(b) barang dan bagasi orang yang meminta dirinya hadir semasa barang dan bagasi itu diperiksa dan dia menghadirkan dirinya dalam masa yang munasabah tidak boleh diperiksa kecuali dengan kehadirannya; dan

(c) tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang yang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

(3) Mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang hak yang membuat tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

(4) Jika mana-mana orang yang boleh ditangkap di bawah Akta ini tidak ditangkap pada masa pelakuan kesalahan yang baginya dia boleh ditangkap sedemikian, atau selepas ditangkap dia melepaskan dirinya, dia boleh pada bila-bila masa selepas itu ditangkap dan diperlakukan seolah-olah dia telah ditangkap pada masa dia melakukan kesalahan itu.

(5) Mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang hak boleh menyebabkan supaya diambil gambar, kesan jari dan ibu jari dan apa-apa bentuk pengenalan lain yang mungkin dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain mana-mana orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(6) Tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian boleh dilepaskan daripada jagaan—

(a) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai cukai perkhidmatan yang hak;

(b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan mana-mana penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai cukai perkhidmatan yang hak; atau

(c) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai cukai perkhidmatan yang hak dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan mana-mana penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai cukai perkhidmatan yang hak.

(7) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (6) boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang hak—

(a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya orang itu dilepaskan atau selainnya dibenarkan untuk dijamin telah atau berkemungkinan akan dimungkiri; atau

(b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu berkemungkinan akan memungkiri mana-mana syarat yang tertakluk kepadanya orang itu dilepaskan dan bahawa penjamin itu berhasrat untuk dilepaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

BAHAGIAN XI

PERBICARAAN DAN PROSIDING

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

64. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman di bawah Akta ini bagi mana-mana kesalahan itu.

Keterangan melalui perakuan, dsb.

65. Apa-apa perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa—

(a) seseorang adalah atau tidak, pada mana-mana tarikh, didaftarkan di bawah Akta ini;

(b) apa-apa penyata tidak dikemukakan atau telah tidak dikemukakan pada mana-mana tarikh;

(c) apa-apa cukai perkhidmatan yang ditunjukkan sebagai genap masa dan kena dibayar dalam apa-apa penyata atau taksiran tidak dibayar;

(d) apa-apa penalti dan amaun penalti yang ditunjukkan sebagai terhutang daripada seseorang yang dinamakan dalam perakuan itu; atau

(e) apa-apa ketetapan umum dibuat di bawah seksyen 41 atau ketetapan kastam dibuat di bawah seksyen 43,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu tanpa dibuktikan tandatangan pada perakuan itu.

Obligasi kerahsiaan

66. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 67, nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport dan alamat pemberi maklumat, atau apa-apa maklumat lain yang boleh membawa kepada identiti pemberi maklumat itu, dan bahan maklumat yang diterima daripada pemberi maklumat hendaklah disimpan rahsia dan tidak boleh dizahirkan oleh mana-mana pegawai cukai perkhidmatan atau mana-mana orang yang dalam penjalanan biasa kewajipannya memiliki, atau mempunyai kawalan ke atas atau akses kepada, maklumat itu kepada mana-mana orang kecuali pegawai cukai perkhidmatan yang hak.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui

67. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudiannya, tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah berkewajipan atau dibenarkan untuk menzahirkan nama, alamat atau apa-apa maklumat mengenai pemberi maklumat, atau bahan maklumat yang diterima daripada pemberi maklumat, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Jika mana-mana dokumen yang dikemukakan sebagai keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada dirinya diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua petikan itu disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan setakat yang perlu bagi melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah, selepas pemeriksaan penuh tentang kes itu, mempercayai bahawa pemberi maklumat membuat dengan sengaja dalam aduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya sebagai palsu atau tidak dipercayainya sebagai benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa pemberi maklumat itu diketahui, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal, jika secara bertulis, dan membenarkan pemeriksaan, dan menghendaki penzahiran penuh berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

Beban pembuktian

68. Jika apa-apa pertikaian timbul dalam mana-mana pendakwaan sama ada—

(a) apa-apa cukai perkhidmatan telah dibayar;

(b) apa-apa pemberian perkhidmatan tidak bertanggungan kepada cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan di bawah Akta ini;

(c) apa-apa nilai yang ke atasnya cukai perkhidmatan boleh dikenakan di bawah Akta ini; atau

(d) apa-apa amaun cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan di bawah Akta ini tertakluk kepada apa-apa pemotongan,

beban pembuktian bagi pertikaian itu hendaklah terletak pada tertuduh dalam pendakwaan itu.

Perintah mahkamah

69. (1) Jika mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu supaya membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, atau penalti yang kena dibayar, di bawah Akta ini, jika ada, sebagaimana yang diperakukan oleh Ketua Pengarah dan cukai perkhidmatan atau penalti itu hendaklah didapatkan semula mengikut cara yang sama seperti suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

(2) Sebagai tambahan kepada subseksyen (1), mahkamah mempunyai bidang kuasa sivil setakat amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar itu, atau penalti yang kena dibayar itu dan perintah itu boleh dikuatkuasakan dalam segala hal sebagai suatu penghakiman muktamad mahkamah yang memihak kepada Ketua Pengarah.

(3) Jika mana-mana orang didapati tidak bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, dan jika dia telah membayar amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini menurut seksyen 85 berkenaan dengan kesalahan yang dipertuduh, mahkamah boleh memerintahkan supaya amaun yang telah dibayar itu dibayar balik kepada orang itu jika tiada notis rayuan difailkan.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan balik melainkan jika penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang barangkali

70. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda dalam menjalankan atau berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak untuk mendapatkan kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain, selain suatu perintah bagi pemulangan barang, dokumen, artikel atau benda itu atau pembayaran nilai barang, dokumen, artikel atau benda itu, melainkan jika penyitaan itu telah dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang barangkali.

BAHAGIAN XII

AM

Pengelakan cukai perkhidmatan

71. (1) Mana-mana orang yang, dengan niat untuk mengelak atau untuk membantu mana-mana orang lain untuk mengelak cukai perkhidmatan—

(a) meninggalkan daripada suatu penyata apa-apa maklumat berhubung dengan apa-apa perkara yang menjejaskan amaun cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan olehnya atau orang lain;

(b) membuat apa-apa pernyataan atau catatan palsu dalam mana-mana penyata, tuntutan atau permohonan;

(c) memberikan apa-apa jawapan palsu, sama ada secara bertulis atau selainnya, kepada apa-apa soalan yang ditanyakan atau permintaan untuk mendapatkan maklumat yang dibuat di bawah Akta ini;

(d) menyediakan atau menyenggarakan, atau membenarkan penyediaan atau penyenggaraan, apa-apa buku akaun palsu, invois palsu atau rekod palsu yang lain, atau memalsukan atau membenarkan pemalsuan apa-apa buku akaun, invois atau rekod; atau

(e) membuat, menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, tipu daya atau helah,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan—

(a) bagi kesalahan pertama, didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda amaun cukai perkhidmatan atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan

(b) bagi kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, didenda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda amaun cukai perkhidmatan atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), jika amaun cukai perkhidmatan itu tidak boleh ditentukan, orang itu boleh didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana orang yang membantu dalam, atau menasihati berkenaan dengan, penyediaan apa-apa penyata jika penyata itu mengakibatkan suatu kenyataan yang kurang benar terhadap tanggungan cukai perkhidmatan seorang yang lain, melainkan jika orang itu memuaskan hati mahkamah bahawa bantuan atau nasihat itu telah diberikan dengan penelitian yang munasabah, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Apa-apa sebutan dalam perenggan (1)*(e)* berhubung dengan seseorang yang membuat, menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, tipu daya atau helah termasuklah sebutan mengenai seorang yang, tanpa kuasa pegawai cukai perkhidmatan—

(a) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, mengubah atau memanipulasi data yang disimpan di dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer;

(b) memasukkan ke dalam, atau merekodkan atau menyimpan di dalam, suatu komputer melalui apa-apa cara, data bagi maksud—

(i) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, mengubah atau memanipulasi data lain yang disimpan di dalam komputer itu; atau

(ii) mengusik, mengganggu, atau menghalang penggunaan secara sah komputer itu, atau data yang disimpan di dalam komputer itu; atau

(c) selainnya menggunakan komputer,

yang maksud atau kesannya adalah untuk mengelak cukai perkhidmatan.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), "data" termasuklah apa-apa program komputer atau bahagian daripada suatu program komputer.

(7) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen ini, apa-apa pengelakan cukai perkhidmatan hendaklah disifatkan berada dalam pengetahuan tertuduh melainkan jika dibuktikan sebaliknya oleh tertuduh itu.

Memberi maklumat tidak betul yang berhubungan dengan tanggungan terhadap cukai perkhidmatan

72. Tanpa menjejaskan apa-apa tanggungan lain yang dilakukan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang memberikan apa-apa maklumat yang tidak betul berhubung dengan apa-apa perkara yang memberi kesan ke atas tanggungannya sendiri terhadap cukai perkhidmatan atau tanggungan mana-mana orang lain terhadap cukai perkhidmatan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Mendapatkan pembayaran balik secara tidak wajar

73. Mana-mana orang yang menyebabkan atau cuba untuk menyebabkan pembayaran balik oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 10(4), 35(1) atau 38(1) kepada dirinya atau kepada mana-mana orang lain apa-apa amaun yang melebihi amaun yang sepatutnya boleh dibayar balik kepadanya atau kepada orang lain itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan

(b) dikenakan penalti dua kali ganda amaun yang dibayar balik yang melebihi amaun yang sepatutnya boleh dibayar balik.

Pekerja boleh membuat urusan

74. (1) Seseorang pekerja mana-mana orang boleh membuat urusan secara am dengan mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang hak bagi pihak orang itu.

(2) Seorang pegawai cukai perkhidmatan yang hak boleh menolak untuk membuat urusan dengan pekerja itu melainkan jika orang yang disebut di bawah subseksyen (1) itu memperkenalkan pekerja itu kepada pegawai cukai perkhidmatan yang hak itu sebagai mempunyai kuasa untuk membuat urusan.

Membuat urusan bagi pihak orang kena cukai

75. (1) Tertakluk kepada seksyen 74, tiada seorang pun boleh membuat apa-apa urusan berhubung dengan Akta ini bagi pihak mana-mana orang kena cukai, kecuali tentang perkara yang berkaitan dengan apa-apa pembayaran balik, peremitan, pengecualian, atau apa-apa perkara lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, di bawah Akta ini.

(2) Orang yang membuat urusan tentang mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) bagi pihak seorang orang kena cukai hendaklah—

(a) mengemukakan surat kuasa daripada orang kena cukai yang diwakilinya; dan

(b) jika apa-apa borang yang ditetapkan dikehendaki supaya dikemukakan bagi maksud perkara yang sedang dibuat, mengemukakan borang itu yang telah ditandatangani oleh orang kena cukai itu, kecuali jika dibenarkan selainnya oleh pegawai kanan cukai perkhidmatan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan oleh orang yang diberi kuasa dan orang yang tidak diberi kuasa

76. Mana-mana orang—

(a) yang merupakan pekerja bagi orang kena cukai atau orang yang diberi kuasa di bawah seksyen 75 yang—

(i) memegang untuk kegunaan dirinya sendiri atau selainnya apa-apa bahagian daripada amaun cukai perkhidmatan atau penalti yang dipungut di bawah Akta ini;

(ii) selain dengan suci hati, menuntut daripada mana-mana orang suatu amaun yang melebihi apa-apa taksiran cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, atau penalti yang kena dibayar, di bawah Akta ini;

(iii) mengemukakan apa-apa penyata, pernyataan atau laporan yang palsu, sama ada secara bertulis atau selainnya, bagi amaun cukai perkhidmatan atau penalti yang dipungut atau diterima olehnya di bawah Akta ini; atau

(iv) memfraud mana-mana orang, menggelapkan apa-apa wang, atau selainnya menggunakan kedudukannya untuk berurusan secara salah sama ada dengan Ketua Pengarah atau mana-mana individu lain; atau

(b) yang tidak diberi kuasa di bawah Akta ini yang memungut atau cuba untuk memungut apa-apa cukai perkhidmatan atau penalti di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Halangan

77. Mana-mana orang yang dengan apa-apa cara menghalang, mengamang atau menggalang mana-mana pegawai cukai perkhidmatan yang hak dalam menunaikan fungsinya di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh syarikat, dsb.

78. (1) Jika mana-mana syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu dalam pengurusannya—

(a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu; dan

(b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

(i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; atau

(ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh dikenakan di bawah Akta ini apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu oleh pekerja atau ejen orang itu, atau pekerja ejen orang itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

(a) oleh pekerja orang itu dalam penjalanan pekerjaannya;

(b) oleh ejen orang itu apabila bertindak bagi pihak orang itu; atau

(c) oleh pekerja ejen orang itu semasa bertindak dalam penjalanan pekerjaannya dengan ejen orang itu atau selainnya bagi pihak ejen orang itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

Penalti am

79. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan

80. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan—

(a) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun;

(b) kriteria untuk mengkompaun kesalahan itu; dan

(c) kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan itu.

(2) Mana-mana pegawai kanan cukai perkhidmatan boleh, dengan keizinan secara bertulis oleh Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum sesuatu pertuduhan dimulakan, mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia disabitkan atas kesalahan itu, dalam apa-apa masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa–apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkenaan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Kajian semula dan rayuan

81. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk kajian semula ke atas keputusannya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh orang itu diberitahu mengenai keputusan itu dengan syarat bahawa tiada rayuan telah dibuat ke atas keputusan yang sama kepada Tribunal Rayuan Kastam atau mahkamah.

(2) Permohonan bagi kajian semula di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan.

(3) Jika permohonan bagi kajian semula telah dibuat di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah membuat kajian semula dan memberitahu keputusan kajian semula itu kepada orang itu, jika dapat dilaksanakan, dalam masa enam puluh hari dari tarikh permohonan itu diterima.

(4) Tiada kajian semula boleh dibuat bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun.

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) atau mana-mana peruntukan lain Akta ini, kecuali apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun, boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Kastam secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan keputusan itu kepada orang yang terkilan itu.

(6) Apa-apa cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah dibayar walaupun apa-apa kajian semula atau rayuan telah dibuat di bawah seksyen ini.

Pelikuidasi syarikat hendaklah memberikan notis penggulungan, dan mengetepikan cukai perkhidmatan

82. (1) Jika suatu ketetapan diluluskan dan berkuat kuasa, atau suatu perintah dibuat, bagi penggulungan sesuatu syarikat yang merupakan orang berdaftar, pelikuidasi syarikat itu hendaklah—

(a) memberikan notis mengenai penggulungan syarikat itu kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas ketetapan itu berkuat kuasa atau perintah itu dibuat;

(b) sebelum melupuskan apa-apa aset syarikat itu, mengetepikan apa-apa jumlah wang daripada aset itu sebagaimana yang didapati oleh Ketua Pengarah sebagai mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang atau yang akan selepas itu menjadi genap masa dan kena dibayar berkenaan dengan syarikat itu; dan

(c) membayar cukai perkhidmatan yang disebut dalam perenggan *(b)*.

(2) Pelikuidasi mana-mana syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) yang tidak memberikan notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam perenggan (1)*(a)* atau tidak mengadakan peruntukan bagi pembayaran cukai perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (1)*(c)* hendaklah bertanggungan sendiri bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang atau yang akan menjadi genap masa dan kena dibayar sebagaimana yang disebut terdahulu.

(3) Mana-mana pelikuidasi yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(4) Jika dua orang atau lebih dilantik sebagai pelikuidasi atau dikehendaki oleh undang-undang untuk menjalankan penggulungan syarikat yang disebut dalam subseksyen (1), kewajipan dan tanggungan yang dikenakan kepada seorang pelikuidasi di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan kepada semua orang itu secara bersesama dan berasingan, tertakluk kepada suatu hak sumbangan antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak.

Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah

83. (1) Jika seorang penerima bagi harta seseorang orang berdaftar dilantik, penerima itu hendaklah memberikan notis mengenai pelantikan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas itu, dan hendaklah sebelum melupuskan apa-apa aset orang berdaftar mengetepikan apa-apa jumlah wang daripada aset sebagaimana yang didapati oleh Ketua Pengarah sebagai mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang atau yang akan selepas itu menjadi genap masa dan kena dibayar berkenaan dengan perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang berdaftar itu sebelum pelantikan penerima itu, dan hendaklah membayar cukai perkhidmatan itu.

(2) Mana-mana penerima yang dilantik di bawah subseksyen (1) yang tidak memberikan notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau tidak mengadakan peruntukan bagi pembayaran cukai perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen itu hendaklah bertanggungan sendiri bagi apa-apa cukai perkhidmatan yang atau yang akan menjadi genap masa dan kena dibayar sebagaimana yang disebut terdahulu.

(3) Mana-mana penerima yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(4) Jika dua orang atau lebih dilantik sebagai penerima, kewajipan dan tanggungan yang dikenakan ke atas seorang penerima di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan ke atas semua orang itu, secara bersesama dan berasingan, tertakluk kepada hak sumbangan antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak.

Orang berdaftar hendaklah mengemukakan perakuan audit

84. Ketua Pengarah boleh menghendaki orang berdaftar untuk mengemukakan suatu perakuan audit setiap tahun, yang ditandatangani oleh seorang akauntan awam yang bukan dalam penggajian orang berdaftar itu, berhubung dengan rekod yang dikehendaki untuk disimpan oleh orang berdaftar itu di bawah seksyen 24 berkenaan dengan perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang berdaftar itu.

Cukai perkhidmatan, dsb., hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb.

85. Pemulaan prosiding atau pengenaan suatu penalti, denda atau tempoh pemenjaraan di bawah Akta ini atau pengkompaunan suatu kesalahan di bawah seksyen 80 tidak boleh melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar apa-apa cukai perkhidmatan, surcaj, penalti, fi atau wang lain di bawah Akta ini.

Penyampaian notis, dsb.

86. (1) Tiap-tiap notis, arahan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini untuk disampaikan kepada mana-mana orang boleh disampaikan—

(a) secara ke diri kepada orang itu;

(b) dengan menghantarnya kepada orang itu melalui pos berdaftar; atau

(c) melalui perkhidmatan elektronik di bawah seksyen 87.

(2) Notis, arahan atau dokumen lain yang dihantar melalui pos berdaftar kepada seseorang hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu pada masa ia sepatutnya telah diserahkan kepada orang itu dalam penjalanan biasa pos itu jika notis, arahan atau dokumen lain itu telah dialamatkan—

(a) dalam hal suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain—

(i) ke pejabat berdaftarnya;

(ii) ke alamatnya yang terakhir diketahui; atau

(iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses; dan

(b) dalam hal orang perseorangan, ke alamatnya yang terakhir diketahui.

(3) Jika seseorang telah memberikan persetujuannya bagi suatu notis disampaikan kepadanya melalui perkhidmatan elektronik, notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan pada masa apabila notis elektronik itu dihantar ke akaunnya melalui perkhidmatan elektronik itu.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

87. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh menyediakan suatu perkhidmatan elektronik kepada mana-mana pengguna berdaftar bagi—

(a) pemfailan atau pengemukaan apa-apa permohonan, penyata, perisytiharan atau apa-apa dokumen lain; dan

(b) penyampaian apa-apa notis, arahan, perintah, permit, resit atau apa-apa dokumen lain.

(2) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah tidak bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pengguna berdaftar itu atas sebab apa-apa kesilapan atau peninggalan tidak kira dengan apa jua sifat atau tidak kira bagaimana jua sekali pun berbangkit yang terdapat dalam apa-apa notis elektronik yang diperoleh oleh pengguna berdaftar itu di bawah perkhidmatan elektronik jika kesilapan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam penjalanan biasa penunaian kewajipan Ketua Pengarah atau berlaku atau timbul akibat daripada apa-apa kecacatan atau kegagalan dalam perkhidmatan elektronik itu atau dalam kelengkapan yang digunakan bagi penyediaan perkhidmatan elektronik itu.

(3) Apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar hendaklah disifatkan sebagai telah difailkan, dikemukakan atau disampaikan pada masa notis elektronik itu diterima oleh Ketua Pengarah.

(4) Bagi maksud seksyen ini, "pengguna berdaftar" ertinya mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah untuk mengakses dan menggunakan perkhidmatan elektronik.

Perlindungan pegawai cukai perkhidmatan daripada tanggungan

88. Tiada pegawai cukai perkhidmatan atau orang lain yang diambil kerja oleh Kerajaan dalam penjalanan pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini bertanggungan untuk membayar apa-apa kerugian yang dialami berkenaan dengan apa-apa barang, dokumen, artikel atau benda yang disebabkan oleh kebakaran, kecurian, kerosakan

atau sebab lain semasa barang, dokumen, artikel atau benda itu berada dalam jagaan atau kawalan sah pegawai itu atau orang lain yang diambil kerja oleh Kerajaan dalam penjalanan pelaksanaan kewajipannya di bawah Akta ini melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh pengabaian atau keingkaran yang disengajakan olehnya.

Ganjaran

89. Ketua Pengarah boleh memerintahkan apa-apa ganjaran sebagaimana yang difikirkan patut olehnya supaya dibayar kepada mana-mana pegawai cukai perkhidmatan atau orang lain bagi perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengesanan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini.

Kuasa Ketua Pengarah untuk mengenakan fi

90. Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa fi sebagaimana yang difikirkan munasabah olehnya berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan olehnya atau mana-mana pegawai cukai perkhidmatan—

(a) yang tidak dikehendaki untuk diberikan di bawah Akta ini; dan

(b) yang baginya tiada fi ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Kuasa membuat peraturan-peraturan

91. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), Menteri boleh menetapkan—

(a) semua perkara yang berhubungan dengan pendaftaran orang berdaftar;

(b) semua perkara yang berhubungan dengan tempoh bercukai;

(c) semua perkara yang berhubungan dengan penentuan nilai perkhidmatan bercukai;

(d) semua perkara yang berhubungan dengan pengemukaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan;

(e) semua perkara yang berhubungan dengan pembayaran balik dan peremitan cukai perkhidmatan;

(f) semua perkara yang berhubungan dengan ketetapan awam dan ketetapan kastam;

(g) semua perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan elektronik;

(h) semua perkara yang berhubungan dengan invois, nota kredit dan nota debit;

(i) semua perkara yang berhubungan dengan pejabat pentadbiran cukai perkhidmatan;

(j) semua fi yang dikehendaki untuk ditetapkan oleh Akta ini;

(k) semua borang yang hendaklah ditetapkan bagi maksud Akta ini; atau

(l) apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan oleh Akta ini.

(2) Mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan suatu perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan hukuman denda yang tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

BAHAGIAN XIII

KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pendaftaran pada tarikh permulaan kuat kuasa

92. (1) Walau apa pun seksyen 13, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan sebelum tarikh efektif yang perkhidmatan itu merupakan perkhidmatan bercukai pada tarikh efektif hendaklah, dalam masa tiga puluh hari daripada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, memohon kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan sebagai orang berdaftar jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa jumlah nilai perkhidmatan bercukainya yang diberikan dalam bulan bagi tarikh efektif dan sebelas bulan sebaik selepas bulan itu akan melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai sebagaimana yang ditetapkan dalam subseksyen 12(1).

(2) Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkan orang yang disebut dalam subseksyen (1) berkuat kuasa dari hari pertama bagi bulan selepas bulan yang permohonan itu dibuat dan orang itu hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang itu berkuat kuasa dari hari itu.

(3) Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan sebelum tarikh efektif yang perkhidmatan itu merupakan perkhidmatan bercukai pada tarikh efektif dan telah membuat permohonan sebelum tarikh efektif kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan sebagai orang berdaftar di bawah Akta ini—

(a) hendaklah disifatkan sebagai telah didaftarkan mengikut seksyen 13 pada tarikh efektif, jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa jumlah nilai perkhidmatan bercukainya yang diberikan dalam bulan bagi tarikh efektif dan sebelas bulan sebaik selepas bulan itu akan melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai sebagaimana yang ditetapkan dalam subseksyen 12(1); dan

(b) hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang itu berkuat kuasa dari tarikh efektif.

(4) Mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] sebelum tarikh efektif dan memberikan perkhidmatan bercukai pada tarikh efektif—

(a) hendaklah disifatkan telah didaftarkan mengikut seksyen 13 pada tarikh efektif, jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa jumlah nilai perkhidmatan bercukainya yang diberikan dalam bulan bagi tarikh efektif dan sebelas bulan sebaik selepas bulan itu akan melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai sebagaimana yang ditetapkan dalam subseksyen 12(1); dan

(b) hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan oleh orang itu berkuat kuasa dari tarikh efektif.

Perjanjian berperingkat atau berkala

93. (1) Jika apa-apa perkhidmatan bercukai diberikan di bawah suatu perjanjian bagi suatu tempoh atau secara berperingkat bagi suatu tempoh sama ada atau tidak pada lat tempoh yang tetap dan tempoh itu bermula sebelum 1 Jun 2018 dan berakhir selepas tarikh efektif, bahagian perkhidmatan yang dihubungkaitkan dengan bahagian bagi tempoh selepas tarikh efektif hendaklah dikenakan cukai perkhidmatan.

(2) Perkhidmatan yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah diambil sebagai dibuat secara berterusan dan secara sama rata sepanjang tempoh perjanjian itu.

(3) Jika perkhidmatan yang disebut dalam subseksyen (1) diberikan di bawah suatu waranti sama ada yang nyata, tersirat atau dikehendaki oleh undang-undang dan nilai waranti itu dimasukkan ke dalam nilai perkhidmatan yang diberikan itu, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan di bawah waranti itu.

(4) Subseksyen (1) dan (2) tidak terpakai bagi suatu pemberian perkhidmatan jika cukai barang dan perkhidmatan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 telah dibayar ke atas perkhidmatan itu setakat yang diliputi oleh invois.

Hak yang diberikan sepanjang hayat

94. (1) Seksyen ini terpakai jika—

(a) seseorang orang berdaftar, yang merupakan suatu kelab atau badan serupa yang lain, memberikan perkhidmatan bercukai di bawah suatu perjanjian;

(b) perjanjian itu memperuntukkan sama ada secara nyata atau secara tersirat bahawa suatu hak hendaklah diberikan atau boleh digunakan sepanjang hayat orang itu atau bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga puluh tahun; dan

(c) hak itu diberikan atau pertama kali boleh digunakan sebelum tarikh efektif.

(2) Jika apa-apa pembayaran bagi hak yang diberikan atau yang boleh digunakan sepanjang hayat orang itu atau untuk suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga puluh tahun dibayar oleh anggota sedia ada atau anggota baharu bagi suatu kelab atau badan serupa yang lain bagi apa-apa hak untuk menggunakan kemudahan kelab atau badan serupa yang lain, pemberian perkhidmatan itu yang baginya apa-apa pembayaran telah dibuat—

(a) sebelum tarikh efektif, hendaklah tidak dikenakan cukai; dan

(b) pada atau selepas tarikh efektif, hendaklah dikenakan cukai.

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

95. Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan pembuatan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan perkara yang dilakukan itu adalah selaras dengan niat dan maksud am Akta ini, dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Ketua Pengarah.